


**Jilid III
Bil. 17**



**Hari Isnin
14hb Disember, 1981**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1901]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 [Ruangan 1936]

MALAYSIA
PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR,
S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI
ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N.,
P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam
Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K.
(Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,
D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N.,
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ TUAN CHIN KIM YOONG (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P.
(Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD (Perlis).

Yang Berhormat DATO HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).

- „ DR GAN KONG SENG, P.J.K. (Negeri Sembilan.)
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak)
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO' HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik)
- „ TUAN SYED KAMARUZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH (Sarawak).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat, TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. Bhaskaran Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim, Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 14hb Disember, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

JURURAWAT—PENGAMBILAN

1. **Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian bercadang menambahkan lagi pengambilan jururawat-jururawat di tahun-tahun hadapan memandangkan terdapat sungutan-sungutan bahawa hospital-hospital menghadapi kekurangan jururawat.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa bilangan jururawat terlatih yang ada sekarang telahpun memenuhi keperluan asas Kementerian Kesihatan. Jika sekiranya didapati perlu menambahkan bilangan jururawat ini maka tindakan akan diambil untuk memperbanyakkan pengambilan jururawat pada tahun-tahun hadapan.

Pada ketika ini Kementerian Kesihatan terus merancang melatih jururawat-jururawat pada tiap-tiap tahun untuk hospital-hospital, klinik-klinik wad-wad serta unit-unit tambahan yang sedang dan akan dibina untuk mengelakkan berlakunya sebarang kekurangan Jururawat.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah masih ramai jururawat wanita hospital-hospital yang belum berpakaian seragam iaitu berseluar panjang padahal kebenaran uniform berseluar panjang ini sudah dibenarkan, sebagaimana Yang

Berhormat Menteri maklum. Jadi saya ingin tahu sekali lagi kenapa perkara ini masih belum berjalan keseluruhannya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, jururawat-jururawat telah diberi satu contoh pakaian seragam sama ada pakai seluar panjang dengan blousenya ataupun mengikuti pakaian seragam yang dipakai sekarang dan mereka digalakkan supaya memakai pakaian seragam yang baru ini.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan jururawat-jururawat akan ditambah pada tiap-tiap tahun. Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apa yang saya dapat tahu di Universiti Hospital buat masa ini banyak jururawat-jururawat yang telah lulus tetapi mereka ini telah balik ke kampung tidak dapat pekerjaan dan belum dipanggil oleh pihak-pihak yang berkenaan. Oleh itu, saya ingin tahu bagaimana, benarkah cukup ataupun tidak.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi ialah tentang rancangan latihan yang dijalani oleh Kementerian Kesihatan tetapi universiti-universiti tempatan khususnya Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan masing-masing mengadakan kursus mereka untuk melatih jururawat bertugas di dalam universiti-universiti.

Dukacitanya, saya tidak tahu tentang kedudukan universiti ini tetapi saya boleh bertanya apakah sebenar kedudukan universiti-universiti tempatan ini.

Dato' G. Pasamanickam: Adakah Kerajaan bercadang mengambil jururawat-jururawat dari rakyat Malaysia yang bertauliah dan berlatihan luar negeri untuk diserapkan ke

jawatan di hospital-hospital dalam negara kita.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ada juga jururawat-jururawat yang mendapat latihan di luar negeri dan jika sekiranya mereka mengadakan semua kelayakan yang dikehendaki dalam syarat perkhidmatan jururawat dan jika sekiranya ada kekosongan, mereka boleh ditimbang untuk dilantik sebagai jururawat.

MERCUN DAN BUNGA API PERMAINAN

2. Tuan Haji Tuan Yaacob bin Haji Engku Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa permainan "bedil kertas"—mercun dan bunga api, dalam Bulan Puasa dan Hari Raya dan juga hari-hari perayaan yang lain, banyak meragut nyawa dan menyebabkan kebakaran dan jika sedar sama ada beliau akan mengambil tindakan untuk mengharamkan permainan tersebut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mengharamkan permainan mercun dan bunga api yang boleh meletup. Undang-undang yang berhubung dengan bahan-bahan letupan ini terdapat di dalam Akta Letupan 1957 (Semakan Semula 1978). Walau bagaimanapun, permainan bunga api jenis yang tidak meletup adalah dibenarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1979 belum ada laporan kematian yang diterima akibat permainan mercun dan bunga api.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab pengharaman main mercun itu pada hari-hari perayaan tetapi nampaknya hari ini jualan mercun itu tidak pula diharamkan. Adakah tidak pihak yang berkenaan bercadang untuk mengharamkan kepada pihak penjual-penjual mercun ini.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, mercun-mercun atau bunga api yang

tidak meletup masih lagi dibenarkan oleh Kerajaan untuk digunakan ataupun dipakai ketika hari-hari perayaan. Bagi tujuan tersebut permit diperlukan dari Jabatan Polis Diraja Malaysia.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, meskipun jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan belum ada kemalangan jiwa berlaku tetapi saya suka bertanya. Saya tidak bertanya daripada tahun 1957 pada mula Akta dibuat tetapi saya hendak bertanya daripada tahun 1980 hingga 1981 ini berapa kebakaran yang disebabkan oleh bedil letupan ini telah berlaku dalam negara kita.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1981 ini data itu saya tidak bawa di sini tetapi saya rasa saya masih ingat lagi, kalau tidak silap ialah lebihkurang dalam 152 kejadian kebakaran disebabkan oleh mercun dan bunga api.

PENTERNAK DI LADANG-LADANG— BANTUAN DARI JABATAN HAIWAN

3. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Jabatan Haiwan untuk menggalakkan penternak-penternak di ladang-ladang mempergiat dan memperluaskan lagi penternakan mereka; dan
- (b) adakah Jabatan Haiwan telah memberi apa-apa sumbangan dari bantuan binatang ternakan atau nasihat untuk penternak-penternak di ladang-ladang untuk mempergiatkan lagi penternakan mereka.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Haiwan sentiasa memberi perkhidmatan mengenai pengeluaran dan kesihatan ternakan kepada semua penternak termasuk penternak-penternak di ladang-ladang melalui Perkhidmatan Pengembangan

Jabatan. Penternak-penternak di ladang yang berhampiran dengan Pusat-pusat Pengumpulan Susu digalakkan menyertai rancangan tenusu dan mereka diberi bantuan subsidi untuk membeli jenis baka ternakan yang baik daripada Jabatan Haiwan. Pembiakan permanian beradas dan juga pinjaman baka jantan, perkhidmatan pengembangan dan perkhidmatan pemasaran dan lain-lain juga diberi. Ini semua adalah untuk meninggikan mutu dan hasil pengeluaran ternakan.

Dato' G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan telah mengambil tindakan supaya pengurus ladang memberi kemudahan tanah untuk pekerja-pekerja yang ingin menternak ternakan?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara itu luar daripada soalan asal. Soalan asal ialah berkenaan dengan pengembangan dan galakan, bukannya di antara pekerja-pekerja dan majikan ladang.

KOPERASI—MENGELUARKAN BONUS SECARA HARAM

4. **Dato Haji Mohd. Nor Mohamad** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan tindakan yang diambil ke atas syarikat kerjasama yang mengeluarkan saham-saham bonus secara haram, yang memilikasikan suku ahli-ahli mendapat kenikmatan di dalam satu-satu projek syarikat dan yang mengeluarkan akuan-akuan jaminan secara melanggar undang-undang syarikat kerjasama.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat dapat dibahagikan kepada tiga bahagian.

Bahagian pertama mengenai pengeluaran saham bonus. Sepanjang yang diketahui tidak ada koperasi yang mengeluarkan saham bonus secara haram. Apa yang terdapat ialah koperasi yang mengeluarkan saham bonus dengan tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh kaedah yang berkenaan. Pengeluaran saham bonus sememangnya dibenarkan oleh Ordinan dan cara-cara

mengeluarkan ditentukan oleh Kaedah. Koperasi yang terlibat memang pasti tentang adanya peruntukan Ordinan tetapi mereka tidak sedar akan adanya Kaedah untuk urusan sedemikian. Bagaimanapun, akuan-akuan yang mengenai pengeluaran saham bonus itu telah diluluskan oleh Ketua Pendaftar Koperasi dan pihak-pihak koperasi yang terlibat dinasihatkan mematuhi kehendak-kehendak Kaedah mengenai pengeluaran saham bonus ini pada masa hadapan.

Bahagian kedua mengenai penyertaan ahli-ahli di dalam sesuatu projek. Bagi menjalankan sesuatu projek baru koperasi memerlukan modal tambahan dan untuk mendapatkan modal itu koperasi biasanya menjemput ahli-ahli untuk menyumbang. Biasanya sebilangan kecil sahaja ahli-ahli yang menjemput dengan menurunkan modal sementara ahli-ahli yang lain menyertai sesuatu projek itu sebagai pengguna atau pelanggan. Misalnya, jika projek itu projek perumahan dan yang menyumbang modal hanyalah ahli-ahli yang bermodal dan mereka ini sepatutnyalah menerima peluang yang menasabah di atas modal mereka. Ahli-ahli yang menjadi pelanggan pun mendapat manfaat yang tidak sedikit dalam projek ini. Mereka dapat membeli rumah dengan harga yang paling rendah jika dibandingkan dengan harga pasaran biasa. Tentulah tidak semua ahlinya yang berkehendakkan rumah boleh mendapatnya akan tetapi mereka yang mendapat baik dalam menentukan siapa-siapa yang akan menurunkan modal mahupun dalam menentukan sesiapa yang akan mendapat rumah. Bagaimanapun kita tidak menafikan adanya koperasi yang melaksanakan sesuatu projek mengikut cara yang agak bercanggah dengan prinsip dan amalan koperasi. Pihak Jabatan menganggap ini berlaku bukan kerana pihak koperasi enggan berpegang kepada prinsip dan amalan tersebut tetapi kerana pengurusannya jahil tentang perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh dibuat dalam koperasi apabila tiada undang-undang atau peraturan yang menentukannya. Tindakan yang wajar yang telah diambil ialah menegur perbuatan yang bercanggah itu dan mengarah koperasi yang berkenaan supaya menghentikannya dan ini telahpun dilakukan oleh Ketua Pendaftar Koperasi.

Bahagian ketiga mengenai pengeluaran akuan-akuan pinjaman. Oleh kerana koperasi-koperasi boleh meminjam wang dengan kuasa yang diberi oleh Ketua Pendaftar, maka ada koperasi yang menganggap ianya boleh mengeluarkan akuan jaminan bagi pinjaman yang diambil oleh syarikat anaknya atau ahlinya. Kuasa yang diberi oleh Ketua Pendaftar itu cuma membolehkan koperasi meminjam, itupun untuk perniagaannya sahaja bukan untuk perniagaan syarikat anak-anaknya atau sebarang pihak lain. Sungguhpun begitu ada koperasi yang telah diberi kebenaran menjamin pinjaman syarikat-syarikat anaknya iaitu sebelum adanya pendapat undang-undang (legal opinion) mengenai perkara ini. Bagaimanapun semua koperasi yang terlibat baik yang mendapat kebenaran mahupun yang tidak telah diarah supaya menarik balik jaminan masing-masing apabila tempoh jaminan itu habis dan tidak lagi mengeluarkan sebarang akuan jaminan pada masa hadapan. Setakat ini, di masa yang sudah-sudah Jabatan Pembangunan Koperasi yang mendekati persoalan-persoalan ini secara terbuka dan menganggap pihak koperasi yang terlibat sebagai tidak sedar mengenai Kaedah. Di masa yang akan datang pihak Kementerian akan bertindak dan lebih tegas.

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan rombongan kebajikan</i>	<i>Tugas mengawasi</i>	<i>Ratio</i>
1979	57 orang	10,416	1:180
1980	80 orang	14,229	1:170
1981	102 orang	22,704	1:220

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) telah menjalankan kajian yang mendalam terhadap perkhidmatan Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) di tanah suci tahun ini, bilangan anggota rombongan kebajikan haji itu akan ditambah jika didapati kajian tersebut menunjukkan bilangan sekarang ini tidak mencukupi.

LUTH—BILANGAN ROMBONGAN KEBAJIKAN HAJI KE TANAH SUCI

5. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menambah bilangan pegawai-pegawai dan petugas-petugas dari Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk mengawasi keperluan dan kepentingan jumaah haji semasa berada di tanah suci Mekah.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, buat masa ini bilangan anggota rombongan kebajikan haji yang dihantar oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji ke tanah suci adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, memandangkan pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) telah menjalankan kajian-kajian yang mendalam terhadap perkhidmatan Lembaga Urusan dan Tabung Haji di tanah suci tahun ini. Bilangan anggota rombongan kebajikan hari itu akan ditambah jika kajian tersebut menunjukkan bilangan sekarang ini tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan anggota rombongan kebajikan haji yang dihantar oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji ke tanah suci adalah seperti berikut:

Sebagai makluman, Tuan Yang di-Pertua, kepada umat Islam dalam negara ini melalui Dewan yang mulia ini, suka saya menyatakan bahawa dari segi Islam, melakukan haji ke tanah suci itu bukanlah seperti pelancungan, kerana kita dapati di dalam beberapa keterangan al-Quran dan Hadith mengatakan orang yang wajib pergi haji itu orang yang mampu dari segi kewangannya sendiri, mampu mem-

belanjakan anak isteri di rumah, mampu menanggung segala kesusahan di dalam perjalanan di Mekah, mampu menahan diri daripada nafsu, bercakap kosong, berbalah, bermusuhan dan sebagainya dan mampu segala-galanya, mampu menahan panas di Padang Arafah dan mampu dengan mendapat kekurangan makanan, kenderaan dan sebagainya. Segala-galanya itu adalah suatu ujian Tuhan kepada orang yang benar-benar menunaikan fardhu Haji. Oleh sebab itulah di dalam al-Quran dinyatakan: Isa-ta-ta'a ilaihi-sabilaa. Begitu juga di dalam Hadith dinyatakan: Limanis ta-ta'a ilaihi-sabilaa. Kedua-dua keterangan yang kita dapati ini menunjukkan bahawa seseorang yang pergi haji ialah seorang yang benar-benar pergi menunaikan haji tidaklah boleh mengharapkan segala kemudahan daripada pihak lain dan dia mestilah sabar (great patience) untuk menjalankan ibadah haji ini kerana Nabi sudah bagi manusia dua jenis yang pergi haji itu. Pertama, orang yang pergi haji itu mendapat haji mabrur iaitu haji yang saya terangkan tadi, orang yang mampu menanggung segala kesusahan, kesabaran, cukup wang dan sebagainya. Satu lagi jenis manusia yang pergi haji itu ialah haji yang mereka melakukan haji yang dinamakan haji mardud, haji yang kosong (zero). Sah haji itu tetapi pahalanya tidak ada, pahalanya dipertikaikan di Padang Mahsyar, akan disoal lagi—will be examined one by one, di Padang Mahsyar. Ada pun haji yang mabrur itu, direct atau terus, dosa kamu diampunkan, terus masuk syurga.

Dan lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan soal ini supaya umat Islam tahu dan sedar bahawa kalau benar-benar kita mahu pergi haji, kita mesti adakan persediaan ini, sabar menanggung segala kesusahan, wang cukup dan sebagainya. Kalau tidak, jangan pergi—not necessary to go to haji—tidak wajib, baik duduk di rumah, baik beli tanah dengan wang yang ada \$4,000 itu, beli apa yang boleh mendatangkan manfaat kepada anak dan isterinya, not necessary to go. Tuhan tidak memberati orang seumpama itu. Jadi itulah saya hendak ingatkan, banyak bakal-bakal haji kita selalu merungut, itu tak senang, ini tak cukup, air tak ada dan sebagainya. Who asked you to go there?

(Ketawa). Jadi ini semua, Tuan Yang di-Pertua, betullah Nabi mengatakan pada akhir zaman kelak, kamu akan lihat manusia pergi haji—this is the Prophet's tradition—satu jenis mahu berniaga, bawa emas, bawa barang, kain-kain dan sebagai kerana hendak berniaga (business).

Yang satu lagi orang kaya hendak pergi tengok—what is Mekah? Apakah itu Mekah? Ada lagi orang yang pergi haji itu kerana hendak melancung. Inilah jenis-jenis manusia, maka kita dapatlah, Tuan Yang di-Pertua, manusia seperti itu sekarang. Jadi oleh sebab itu, saya sukalah menerangkan kepada umat Islam—saya minta pemberita akhbar tulis apa yang saya ucapkan ini supaya jangan gaduh lagi umat Islam. Kepada siapa yang hendak pergi haji buatlah persediaan untuk menanggung segala kesusahan, then you will get haji mabrur, otherwise you will get haji mardud. Dan kita selalu bercakap di dalam sembahyang kita 5 kali sehari: Inna-solati wa-nusuki wa-mahyaya wa-mamaati lillahi Rabbil 'alamin. Wahai Tuhanku, aku hendak mengadap-Mu. I am going to worship You. Apa janji kita? Bahawa saya sembahyangku ini, ya Tuhan-ku, segala kesusahan dalam pekerjaan haji ini dan segala urusan daripada hidupku dan segala urusan daripada hatiku hanya untuk Mu. I am going to sacrifice. Tidakkah kita berbohong kepada Tuhan 5 kali sehari, kita bercakap dengan Tuhan, kemudian kita merungut pergi haji.

Ini saya menerangkan dalam Dewan ini supaya ditulis dan diberitahu kepada umat Islam, benar-benarlah kita pergi haji supaya kita beruntung mendapat faedah dunia dan akhirat. Jadi itulah sedikit pandangan saya tentang ibadat haji ini, Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan kita pergi haji benar-benar ikhlas, a genuine pilgrimage, tidak lagi dengan maksud-maksud yang lain. Inilah jawapan saya pada soalan ini.

Dato' Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Soalan tambahan. Pada pendapat saya selagi ada umat Islam dan Mekah itu, tiap-tiap tahun orang pergi haji, sebab pada tahun 1981 ini sahaja apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri hampir-hampir lebih daripada 3 juta umat Islam seluruh dunia ini yang membuat haji. Bermakna ini adalah bertambah bakal haji tiap-tiap tahun. Jadi

faktor-faktor dan hukum-hukum haji yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi semua ada Menteri itu menyuruh rakyat di dalam negara kita pergi menunaikan haji sekali dalam hidupnya, kerana nampaknya yang dihuraikan siapa yang hendak pergi haji, ada yang dapat haji full marks, haji setengah markah, ada haji pelancung, ini adalah penerangan yang boleh mengelirukan rakyat kita di dalam negara ini.

Soalan yang di hadapan kita ini adalah soal sama ada LUTH ini akan menambahkan bilangan pegawai-pegawai atau petugas-petugasnya di dalam musim haji pada tahun hadapan. Saya berpendapat bahawa serupa juga dengan Yang Berhormat Menteri iaitu LUTH telah menambah pegawai-pegawai kebajikan dan juga petugas-petugas daripada semasa ke semasa. Ini adalah baik. Bilangan jemaah haji daripada negara kita bertambah tiap-tiap tahun, tetapi bilangan pegawai kita tak mahu ditambah. Siapa yang pergi menguruskan itu, siapa yang akan menjadi pegawai kebajikan dan juga petugas-petugas, adakah mereka ini orang yang belum lagi nampak Mekah? Belum lagi nampak Madinah? Belum lagi jejak di tanah suci? Inilah soalnya! Jikalau kita bawa orang-orang itu, dia serupa juga kita yang hendak pergi menunaikan haji. Jadi saya harap kepada LUTH orang yang hendak dihantar sebagai pegawai kebajikan mestilah orang yang telah pergi dan mahir, ada pengetahuan berkenaan dengan keadaan di masa haji. Kalau kita hantar orang baru ini serupa kita, mereka tidak tahu apa hendak buat. Jadi itulah LUTH telah menghantar pegawai kebanyakan adalah pegawai baru. Adakah LUTH akan ubah sikap menghantar pegawai baru di dalam rombongan LUTH akan datang.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pandangan Dato Seri Haji Hussein berkenaan dengan haji ini dan saya sukalah menjelaskan dalam Dewan ini pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji sedang mengkaji dengan seberapa yang boleh untuk memberi segala kemudahan kepada bakal-bakal haji. Dengan izin, "that is the duty of Tabung Haji". Kerana kita mengambil wang daripada bakal-bakal haji untuk memberi segala kemudahan kepada mereka dan pada tahun akan datang mungkin sesudah kita buat kajian secara mendalam dan

nampaknya orang yang pergi haji ini bertambah, kita akan menghantar doktor-doktor yang benar-benar bertanggungjawab kerana ia akan mendapat pahala untuk memberi layanan yang baik kepada jemaah-jemaah haji. Begitu juga pegawai-pegawai yang kita akan hantar pada tahun ini, kita akan cari pegawai yang sudah pernah berada di Mekah dan tahu berbahasa Arab supaya mudah dia menyelesaikan masalah-masalah.

Soal yang saya bangkitkan tadi mengenai apa yang digarispendukan oleh Al-quran dan hadis. Soal kita mahu pergi atau tidak itu soal diri kita, tetapi cara yang digaris oleh Nabi Besar kita, Nabi Muhammad (s.a.w.) ialah supaya tiap-tiap orang yang pergi haji itu mendapat pahala yang banyak dan diberi jaminan masuk syurga, dihapuskan dosa semua sekali. Oleh sebab itulah saya ingatkan tadi soal Kerajaan memberi kemudahan itu adalah masalah lain. Soal diri kita adakah kita benar-benar mengikuti pesanan Nabi kita kerana soal ibadat ini tidak boleh kita pakai fikiran, soal ibadat ini kena kita ikut apa yang dipesankan oleh Nabi, sebab soal ibadat ini soal hak Tuhan dan kita tidak tahu tentang hikmat dan sebagainya.

Saya sukalah menerangkan kepada Dewan ini, dan saya mengucapkan terima kasih kepada pandangan Dato Seri Haji Hussein tadi kerana kalau tidak Dato menerangkan saya terpaksa tidak menjawabnya dan saya telah menjawab lebih terang lagi. Soal haji itu tidak saya menegah, itu perintah Tuhan. Siapa yang suka pergi haji, ada cukup wang pergilah dan pihak Tabung Haji akan menerima seberapa banyak. Kalau boleh pada tahun ini kita mahu 50,000 orang yang pergi dan banyak lagi pegawai-pegawai yang akan dihantar. Apa yang saya bangkitkan tadi untuk membersihkan diri kita sebagai umat Islam yang beriman, kita menunaikan ibadat itu biarlah mengikut cara yang diterangkan oleh Tuhan dan cara yang dipesankan oleh Nabi, itu sahaja. Mudah-mudahan kita akan dapat kebajikan; sama-samalah kita berdoa supaya haji kita jangan jadi haji yang 'Mardud', jadi haji yang baik; Tabung Haji dapat pahala, pegawai pun dapat pahala, semua akan mendapat pahala dan mereka terlibat dalam falsafah "ma istataq hialai-hisabillah", itulah hikmatnya.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan yang asal tadi ialah berhubung dengan kelemahan-kelemahan Tabung Haji yang mana ahli-ahli kita yang pergi ke sana yang telah diberi kepercayaan penuh oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH). Oleh itu tadi Yang Berhormat telahpun menerangkan berapa ramai pada tahun 1979 iaitu lebih kurang 10,000 orang dan seorang pegawai untuk menjaga 181 orang.

Di sini saya tidaklah hendak menyentuh tentang haji "Mardud" dan sebagainya (*Ketawa*)....

Tuan Haji Fadzil bin Ahmad: Haji Mabrur.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Haji Mabrur. Oleh itu di sini kita dapat pandangan bersama supaya pada masa akan datang pada tahun 1981 iaitu - seramai 22,704 telah pergi menunaikan fardhu haji dan pegawai yang bertugas di sana cuma 102 orang sahaja. Apa yang kita hendak supaya tahun depan dibetulkan betul-betul ataupun dibuat tiap-tiap 100 orang satu pegawai kebajikan untuk menjaga. Rasa saya itulah yang dikehendaki oleh semua supaya tidak mahu lagi perkara ini berlaku. Baru-baru ini bapa saya telah pergi menunaikan fardhu haji dia pun merungut juga balik kerana orang yang menjaga jemaah haji dia ambil haji bersama, dia menunaikan fardhu haji bersama bukan menjaga jemaah-jemaah haji, dia mengambil kesempatan bersama. Di masa akan datang kalau dia hendak mengambil kesempatan, suruh dia pergi haji sendiri, itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Terpaksa saya terangkan lagi. Tuan Yang di-Pertua, apabila saya baca akhbar minggu sudah timbul bermacam-macam rungutan berkenaan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini dan saya telah menulis kepada Ketua Pengarah supaya membuat kajian yang sebenar dan mengambil kenyataan-kenyataan yang sebenar dan sebagainya. Dengan adanya kenyataan-kenyataan itu kita akan bertindak. Saya katakan tadi maksud Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini, kita tubuhkan Lembaga ini ialah kerana hendak memberi segala-gala kemudahan. Kalau kita boleh beri rasionya 1:200, tetapi bagi saya kalau boleh 1:50,

tengoklah keadaan yang berlaku di Mekah sana.

Saya sendiri pun waktu saya pergi haji tahun sudah saya hendak mencari office Tabung Haji berjam-jam tidak berjumpa di mana letaknya pejabat tersebut. Itu menunjukkan kelemahan, kita akuihah kelemahan itu ada. Jadi, bila sudah kita tahu ada kelemahan-kelemahan maka tanggungjawab Lembaga Urusan dan Tabung Haji membetulkan balik supaya tidak ada lagi sungutan-sungutan daripada jemaah-jemaah haji.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Yang Berhormat Menteri seorang petugas ataupun pegawai menjaga seramai 220 orang, saya rasa ini yang nyata yang mesti kita fahami.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya hendak soal satu lagi saya hendak akui iaitu pada tahun 1978 saya bersama dengan Yang Berhormat Tuan Ghafar Baba dan termasuk Yang Berhormat Menteri Pelajaran sekarang, Dato Dr Sulaiman Daud telah pergi menunaikan fardhu haji di sana, kami telah menjalankan siasatan dan barangkali Tuan Ghafar ini macam mana kata Yang Berhormat Menteri dia tidak kira fasal pergi haji "fisabilillah", dia pun tidak membawa baju dan dihinggapi demam sejuk, nasib baik saya ada membawa baju sehelai dan dia pun pakai, barangkali dia ini haruslah mendapat haji sebagai yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi saya hendak memperakukan Tabung Haji kita setelah saya membuat penyiasatan sendiri sambil pergi menunaikan fardhu haji ke Baitullah al-haram. Saya dapati di antara semua Kerajaan dunia yang terbaik menjaga rakyatnya di Mekah, saya tidak berbohong kerana ini perkara yang paling baik dan memang menjadi rasmi saya memperkatakan yang hak, iaitu kita dapat nombor dua dalam dunia Islam, di antara Kerajaan yang menjaga rakyat yang bersungguh-sungguh di Mekah ialah Kerajaan Malaysia melalui Tabung Haji. Saya mengucapkan tahniah kepada Tabung Haji tetapi bukan kepada Yang Berhormat Menteri.

Walau bagaimanapun, ini satu perkara yang paling baik pada Kerajaan kita yang diakui oleh Kerajaan-kerajaan Islam dalam dunia,

penjagaan, perapian kita, sehingga ini ada Kerajaan yang besar, saya tidak mahu sebut, dia mengatakan dia tidak tahu tempatnya, dia pergi menumpang di rumah haji kita. Pegawai di rumah haji kita dapat menolong memberikan dia satu panduan supaya dia tidak sesat dan dihantar balik kepada Sheikh negerinya sendiri. Ini satu perkara yang harus kita fahami dan harus kita bangga yang Kerajaan kita mempunyai satu Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang baik, kita nombor dua dalam dunia Islam. Ini bukan negeri kita yang mengatakan, tetapi negeri saudara kita yang lain, saya tidak payah sebut negeri itu, diperakuikan. Sebab itu kalau ada orang mengatakan Tabung Haji ini tidak guna, kepada saya sebenarnya dia tidak mengikut hakikat yang nyata dia tidak berani memperakui kebenaran dan orang yang pergi haji itupun tidak berani menyasiat seluas-luasnya apa yang Tabung Haji buat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak bertanya satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri (*Ketawa*). Di segi kedoktoran, saya ada terbaca dalam surat khabar 16 orang doktor menjaga di sana. Yang sebenarnya orang yang pergi haji ini mahu tidak mahu walau bagaimana sihat dia akan merasa terutama wabak batuk, walau dia seorang doktor—tidak peduli, doktor kita pun pergi ke sana akan mendapat batuk. Memanglah seperti kata Yang Berhormat itu ujian memang tebal di Mekah sana, samalah ujian di zaman dahulu, orang bercerita kita naik unta tetapi sekarang tidak naik unta lagi; kita naik motokar. Zaman dahulu kita melihat batu-batu sahaja semuanya di sana tetapi sekarang kita melihat bukan sahaja orang bertanam rumput, rumput pun biasa hidup di sana, tetapi membuat bangunan yang indah yang harus kalah bangunan kita di sini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berapa orang doktor; walaupun ada 16 orang doktor tetapi pada pendapat saya masih tidak cukup. Tadi dikatakan seorang pegawai petugas untuk 220 jemaah haji, saya tidak tahu bagaimana seorang doktor yang dihantar ke sana berapa orang agaknya yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Ini yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Kalau dia sudah jawab, saya hendak mengusulkan kerana doktor ini penting. Kalau doktor tidak banyak, kita hantar pegawai-pegawai

kesihatan yang berpengalaman yang boleh membantu doktor. Saya rasa ini perlu ditambah lebih ramai - sekali ganda atau dua kali ganda lagi demi kesihatan dan kebaikan rakyat kita yang pergi ke Mekah dalam masa-masa akan datang.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana pujian yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Memanglah kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri lain, Malaysia memang terkemuka dalam soal ini dan banyak negeri-negeri lain seperti Pakistan dan Indonesia yang cuba buat kajian untuk meniru sistem Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini.

Berhubung dengan doktor yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sebagaimana yang saya katakan tadi sesudah MAMPU membuat penyasatan atas keperluan doktor masa akan datang dan mengikut pandangan saya, saya adalah optimist, bagi tahun hadapan ini kita akan tambah beberapa orang doktor lagi, dan ketua doktor yang sudah berapa lama memimpin rombongan ini kita akan ubah atau tukar dengan orang yang lebih cergas, muda dan tahu berbahasa arab kalau boleh. Kita ada ramai doktor yang tahu berbahasa Arab yang lulus daripada Egypt, dari Universiti Al-Azhar dan sebagainya, kita akan ambil orang-orang ini untuk menyelesaikan masalah-masalah itu. Bahasa adalah satu perkara yang merupakan faktor perhubungan di antara kita dengan pegawai-pegawai di Mekah sana. Oleh itu, saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa doktor yang akan dihantar berkhidmat dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini akan ditambah bergantung kepada survey dan penyasatan yang dibuat oleh MAMPU.

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN MALAYSIA—JUMLAH SEDANG MENUNGGU

6. Dr Gan Kong Seng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan antara permohonan-permohonan kewarganegaraan Malaysia, berapakah bilangannya yang menunggu lebih daripada lima (5) tahun setakat ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, jumlah permohonan-permohonan kewarganegaraan Malaysia yang sedang menunggu keputusan yang melebihi 5 tahun ialah sebanyak 6,240 orang.

PERMOHONAN MENDIRIKAN KILANG— SYARAT-SYARAT

7. Puan Rogayah binti Ariff minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementerian akan mengenakan syarat yang ketat untuk meluluskan permohonan bagi mendirikan kilang dan untuk dipastikan saluran parit, saluran asap supaya tidak menjadi gangguan kepada penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas minat beliau terhadap pencemaran udara dan pencemaran air. Ya, Kementerian saya memang mengenakan syarat-syarat yang ketat.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, permohonan untuk mendirikan kilang hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Selain daripada itu, pemohon-pemohon hendaklah juga mendapat kelulusan dari Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) serta pihak-pihak berkuasa yang lain berhubung dengan keselamatan jentera dan kesihatan. Lesen-lesen untuk menjalankan perusahaan yang dikeluarkan oleh Kementerian saya adalah seperti yang dikehendaki di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Peraturan-peraturan itu adalah seperti berikut:

- (i) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978—P.U. (A) 280 yang dikuatkuasakan mulai 1hb Oktober, 1978; dan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai 1hb Oktober, 1981.
- (ii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluent-effluent Perindustrian) 1979—P.U.

(A) 12 yang dikuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1981;

- (iii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977—P.U. (A) 342 yang dikuatkuasakan mulai 4hb November, 1977 dan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai 1hb Julai, 1978; dan
- (iv) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978—P.U. (A) 338 yang dikuatkuasakan mulai 1hb April, 1979 dan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai 1hb April, 1980.

Syarat-syarat yang ketat telahpun dikenakan kepada pengusaha-pengusaha, misalnya pada masa ini pelepasan daripada kilang-kilang kelapa sawit hendaklah tidak melebihi kandungan oksigen biokimia yang diperlukan (Biochemistry oxygen Demand) tidak melebihi 500 milligram bagi satu liter dan untuk pelepasan buangan getah tidak melebihi 200 milligram bagi satu liter.

Dato Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ruling daripada Chair sama ada Parliamentary Secretary boleh menjawab soalan-soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, kalau Parliamentary Secretary dalam Dewan Rakyat tidak boleh menjawab di sini, tetapi Parliamentary Secretary di Dewan Negara boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, di antara beberapa kilang-kilang yang telah didirikan dalam tanahair kita ini, ada berapa kilang yang benar-benar sekarang didapati mengikut sains kita yang telah mencemarkan suasana alam sekeliling khususnya dan tolong sebutkan di negeri mana dan kilang mana. Saya yakin di antara kilang-kilang yang telah didirikan sekarang ada di antaranya, barangkali kesalahan penguasa kilang itu sendiri, bukan salah Kerajaan, tetapi telah membahayakan penduduk di sekelilingnya mahupun kilang simen,

mahupun kilang papan, mahupun kilang apa-apa yang lain, ada berapa yang telah mencemarkan alam sekeliling atau penduduk tempatan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih atas minat Ahli Yang Berhormat itu tetapi oleh kerana ini adalah berkaitan dengan angka saya minta notis.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya seorang Menteri yang bertanggungjawab takkan satupun tidak tahu. Saya minta satupun. Jadi mana kilang yang membahayakan. Satu sahaja.

Tuan Law Hieng Ding: Baru-baru ini ada satu kes pencemaran di Petaling Jaya iaitu Syarikat Cast Iron Products yang mengeluarkan besi di Seksyen SS 2, Petaling Jaya.

GAMBAR-GAMBAR PEGAWAI POLIS DISIARKAN DALAM AKHBAR TEMPATAN

8. Puan Rahmah binti Othman (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa gambar-gambar mata-mata gelap dan pegawai-pegawai polis lain selalu sahaja dipamirkan di dalam akhbar-akhbar tempatan dan jika sedar, apakah tindakan beliau akan ambil supaya gambar-gambar kakitangan Polis dan anggota-anggota keselamatan lain terutamanya mata-mata gelap tidak disiarkan dalam akhbar-akhbar supaya mereka akan terus menjalankan tugas mereka tanpa dikenali oleh rakyat umum terutama sekali penjahat-penjahat.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar ada terdapat gambar-gambar pegawai-pegawai polis yang disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan dari masa ke semasa. Tetapi gambar-gambar pegawai-pegawai polis yang kerap tersiar hanyalah mereka yang identitinya memang dikenali atau sepatutnya dikenali berdasarkan kepada jawatan-jawatan mereka. Gambar-gambar detektif atau pegawai-pegawai polis yang identiti mereka tidak harus dikenali adalah jarang tersiar di akhbar-akhbar.

HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR— KEKURANGAN TEMPAT TIDUR

9. Datuk Ismail bin Hashim minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah sebab yang tertentu pihak Hospital Besar Kuala Lumpur tidak mempunyai tempat tidur yang cukup bagi pesakit-pesakit khususnya di Wad Bersalin.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, asas utama kekurangan katil di Hospital Besar, Kuala Lumpur, ialah pertambahan pesat penggunaan kemudahan-kemudahan perubatan di Hospital itu. Ini berpunca dari penghijrahan penduduk yang kian bertambah dari kawasan-kawasan luarbandar dan jua dari negeri-negeri lain ke Kuala Lumpur. Akibat dari keadaan ini di Hospital Besar Kuala Lumpur telah mengalami tekanan ke atas kemudahan-kemudahan perubatan yang disediakannya.

Berhubung dengan Unit Bersalin Hospital Besar, Kuala Lumpur, sebuah lagi wad telah dibaiki untuk menampung 32 katil tambahan. Sebagai langkah jangka panjang, Kementerian bercadang untuk membina sebuah hospital baru Kanak-kanak dan Hospital Wanita dalam Rancangan Malaysia Keempat.

SEKOLAH TAMIL DI LADANG-LADANG

10. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Pelajaran menyatakan cadangan-cadangan untuk mengambil tanah sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pelajaran belum ada rancangan untuk mengambil alih kesemua tanah sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang. Perancangan yang ada sekarang ini berpandukan kepada satu perundingan di peringkat awal di antara pihak Kementerian dengan pihak seperti pengurus-pengurus ladang untuk membolehkan pihak Kementerian mengambil langkah untuk mengambil tanah sekolah-sekolah tersebut.

**SIJIL KELAYAKAN MENDUDUKI
RUMAH—SEBAB-SEBAB KELEWATAN**

11. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sebab-sebab Kementeriannya enggan mengambil tindakan tegas terhadap pemaju-pemaju perumahan yang tidak mematuhi kehendak-kehendak infrastruktur yang ditetapkan oleh pihak LLN dan JKR yang menyebabkan kecuaiannya ini telah mengakibatkan beribu-ribu pembeli rumah tidak dapat menduduki rumah mereka sehingga setahun lamanya; dan
- (b) jumlah aduan yang telah diterima pada tahun 1980 dan di antaranya berapa yang telah diselesaikan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

- (a) (1) Adalah tidak benar bahawa Kementerian saya enggan mengambil tindakan tegas terhadap pemaju-pemaju perumahan yang tidak mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Kerjaraya.
- (2) Saya suka menerangkan bahawa pihak Lembaga Letrik Negara akan hanya menyambung bekalan elektrik ke sesuatu kemajuan perumahan setelah mereka menguji dan berpuashati dengan alat-alat atau kelengkapan yang telah disediakan itu. Begitu juga pihak penguasa tempatan tidak akan mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki selagi pemaju tidak menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan, parit dan sistem saluran najis mengikut perincian-perincian yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Kerjaraya.

- (3) Bagaimanapun masalah menyiapkan rumah dengan sempurna dan teratur dalam tempoh yang ditetapkan adalah lebih rumit dan complex dari apa yang biasanya dianggarkan. Sememangnya masalah ini membayangkan beberapa kelemahan seperti kekurangan perancangan dan pengurusan di kalangan para pemaju sendiri. Tetapi ianya juga membayangkan masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh badan-badan Kerajaan yang terlibat seperti kemampuan mereka untuk menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan yang diperlukan itu atau membekalkan alat-alat seperti kebel, meter dan sebagainya.
- (4) Apabila muncul masalah-masalah seperti ini Kementerian saya menjalankan tugas-tugas perantaraan atau penyelarasan supaya sebarang kelewatan dan kesulitan dapat diatasi dan usaha-usaha menyediakan bekalan elektrik/air dan mendapatkan Sijil Kelayakan Menduduki dan dipercepatkan.
- (5) Saya juga suka menambahkan bahawa baru-baru ini Kementerian saya telah mengenakan syarat tambahan apabila memberi lesen atau mengeluarkan lesen pemaju yang berkehendakkan pihak pemaju menyelesaikan masalah-masalah bekalan elektrik dan air sebelum atau pada masa Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan.
- (6) Dalam tahun 1980 Kementerian saya telah menerima 85 aduan tentang kelewatan menyiapkan rumah dan mendapat Sijil Kelayakan Menduduki. 81 daripada aduan ini telahpun dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun, di antara 85 aduan ini hanya 4 sahaja adalah mengenai kelewatan mendapat bekalan air dan elektrik dan semuanya telah dapat diselesaikan.

GAJI GURU KUMPULAN C2 DAN B1— PERBEZAAN

12. Dato' Yap Peng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa guru-guru di dalam kumpulan C2 dan B1 mempunyai gaji maksima yang jauh perbezannya dan nyatakan sama ada beliau akan kaji supaya perbezaan gaji maksima di antara dua kategori ini dapat disamakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Gaji maksima bagi guru-guru di dalam kategori C2 dan B1 sememangnya mempunyai perbezaan sama ada di bawah Skim Gaji Aziz ataupun skim Gaji Jawatankuasa Kabinet. Perbezaan gaji maksima adalah juga wujud di antara kumpulan-kumpulan berlainan dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Tanggagaji guru-guru termasuklah guru C2 dan B1 dalam Skim Gaji Aziz dan Skim Gaji Jawatankuasa Kabinet adalah berasaskan kepada kelulusan akademik dan kelulusan perguruan. Guru-guru di dalam kategori C2 ialah mereka yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Maktab Perguruan Malaysia, manakala guru-guru dalam kategori B1 adalah mereka yang mempunyai Sijil Rendah Pelajaran serta Sijil Maktab/Pusat Latihan Harian.

Gaji maksima kategori C2 dan B1 tidak boleh disamakan kerana ini bermakna bahawa kelayakan SRP adalah sama tarafnya dengan kelayakan SPM.

POSTER DAN PELEKAT THEMA HARI KEBANGSAAN DI SABAH

13. Dato' Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Penerangan menyatakan kenapakah Jabatan Penerangan di Sabah terlalu lambat menyebarkan poster dan pelekat Thema Hari Kebangsaan pada tiap-tiap tahun.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, memang ada berlaku khasnya di peringkat-peringkat Daerah, kelewatan menerima penerbitan-penerbitan seperti poster dan pelekat Hari Kebangsaan. Ini adalah disebabkan oleh masalah perhubungan dan pengangkutan antara Ibu Negara dengan Ibu Pejabat

Jabatan Penerangan Sabah dan antara Ibu Pejabat Jabatan Penerangan Sabah dengan Pejabat-pejabat di Bahagian dan Daerah-daerah. Walau bagaimanapun, perkara ini diambil perhatian dan dipercayai dapat diatasi di masa akan datang dengan bertambah baiknya kemudahan perhubungan dan pengangkutan.

KEWARGANEGARAAN—PERMOHONAN

14. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan permohonan-permohonan warganegara yang telah diluluskan daripada Januari, 1980 hingga sekarang dan memberi pecahan angka-angka kaum asal permohonan-pemohon yang berjaya itu.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, bilangan permohonan kewarganegaraan yang telah diluluskan daripada bulan Januari 1980 sehingga 30hb September, 1981 ialah sebanyak 7,146. Adalah menjadi dasar Kementerian ini tidak memberikan angka-angka mengikut komposisi kaum.

KATIL DI HOSPITAL BESAR KEKURANGAN

15. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa katil untuk pesakit-pesakit sama ada di wad bersalin atau di wad biasa adalah tidak mencukupi dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini supaya tidak akan didapati pesakit-pesakit yang terpaksa tidur di atas lantai.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada kalanya terdapat juga kekurangan katil di setengah-setengah Hospital Besar, Pihak Pentadbiran Hospital sentiasa mengambil langkah yang sesuai bagi menempatkan pesakit-pesakit yang berlebihan seberapa yang boleh.

Untuk mengatasi masalah kekurangan katil-katil ini, Kementerian sentiasa mengawasi penggunaan kemudahan-kemudahan bagi pesakit wad serta mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki dan

memperluaskan kemudahan-kemudahan yang ada di mana yang sesuai. Hospital-hospital baru sedang dirancang untuk menambahkan katil-katil di mana yang perlu. Di samping itu, kemudahan-kemudahan di beberapa buah Hospital Daerah sedang diperbaiki jua. Dengan itu adalah diharapkan bahawa kekurangan katil-katil yang terdapat sekarang akan dapat diatasi.

Dato Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Atas jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa kita dapati sungguh benar iaitu ada kekurangan katil di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Adakah kekurangan ini hanya katil sahaja ataupun lain-lain kekurangan untuk membaiki taraf rawatan pesakit-pesakit. Adakah kekurangan makanan di dalam hospital ini disedari oleh Yang Berhormat Menteri. Sebab ini adalah berkaitan dengan penyakit. Jikalau tidak betul bagaimana hari ini siaran *The Malay Mail* berkenaan makanan telah dapat dikeluarkan daripada hospital tersebut?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang laporan yang disiarkan di dalam suratkhbar *The Malay Mail* hari ini dan saya telahpun mengambil langkah supaya masalah ini dilaporkan kepada pihak Polis dan pihak Polis akan mengambil satu siasatan dan tidak kira siapa yang bersalah saya akan mengambil tindakan terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 16 hingga 27 adalah diberi di bawah ini)

LESEN PEMANDU PALSU

16. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejak bulan Januari, 1980 hingga September 1981 jumlah lesen-lesen pemandu palsu yang dapat dikesan, dan berapa pula antaranya yang dihadapkan ke mahkamah dan nyatakan bagaimana caranya lesen-lesen itu dapat dipalsukan oleh penyelewengannya.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Sejak bulan Januari, 1980 hingga September, 1981, Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengesan sebanyak 241 lesen-lesen memandu yang disyaki palsu di seluruh Semenanjung Malaysia. Sebanyak 25 kes-kes pemalsuan tersebut telah dihadapkan ke mahkamah dan yang lainnya sedang di dalam penyiasatan pihak polis.

Pemalsuan lesen-lesen memandu ini dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dengan cara menggunakan lesen-lesen kepunyaan Jabatan Pengangkutan Jalan yang telah kecurian yang dilaporkan hilang, meminda lesen-lesen memandu kepunyaan orang lain yang tercicir, mencetak borang-borang lesen memandu dengan menggunakan mesin-mesin yang tertentu, menggunakan cop-cop getah (rubber-stamp) Pejabat Pengangkutan Jalan yang palsu dan juga menggunakan cop alpha Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan negeri.

PASUKAN BOLASEPAK INDIA/ BADMINTON CHINA—JEMPUTAN

17. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada pasukan bolasepak dari India dan pasukan badminton dari China tidak akan dijemput lagi menyertai pertandingan-pertandingan anjuran negara ini berikutan dengan dakwaan sokongan perkauman peminat (partisan spectator support) bagi pasukan-pasukan tersebut ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Jemputan untuk penyertaan di dalam sebarang pertandingan adalah tertakluk kepada jenis pertandingan atau kejohanan itu sendiri. Keputusan ini biasanya dibuat pada masa penganjur menyiapkan sesuatu pertandingan itu mengikut syarat-syarat keutamaan dan keadaan yang akan dibincangkan oleh semua pihak yang berkenaan.

MALAYSIA—LAPORAN LUAR NEGERI

18. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap laporan luar negeri yang memberikan maklumat-maklumat mengenai negara ini yang

memalukan dan nyatakan juga tindakan yang akan diambil untuk memperkenalkan Malaysia ke seluruh dunia melalui kedutaan-kedutaan kita.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Adalah menjadi salah satu tugas utama Perwakilan-perwakilan kita di luar negeri untuk memprojeikkan imej Malaysia di samping menjaga kepentingan negara. Bagi melaksanakan tujuan untuk memperkenalkan Malaysia ke seluruh dunia sebagai sebuah negara yang bebas, cintakan perdamaian bagi mencapai keamanan dunia dan mempunyai sistem politik yang stabil, maka perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri dengan giatnya menjalankan aktiviti-aktiviti penerangan berpandukan bahan-bahan yang dibekalkan oleh Wisma Putra. Perwakilan-perwakilan Malaysia berusaha mewujudkan hubungan baik dengan media massa-media massa, organisasi-organisasi, institusi-institusi pengajian tinggi, perkumpulan-perkumpulan dan individu yang berpengaruh di negara tuan rumah dengan memberi ceramah-ceramah disertai dengan pembahagian bahan-bahan penerbitan berkenaan Malaysia kepada mereka. Perwakilan-perwakilan Malaysia sering dihubungi untuk mendapatkan maklumat dan bahan-bahan penerangan. Dalam hal ini perwakilan-perwakilan Malaysia sentiasa melayani dan memberikan jawapan yang lengkap bagi mana-mana maklumat yang dikehendaki. Adalah kewajipan Kementerian Luar Negeri untuk menolak segala tafsiran buruk mengenai Malaysia dan tindakan segera telah dan sentiasa diambil bagi membetulkan mana-mana pandangan salah lagi menyeleweng dan mencari jalan untuk menghapuskan buruk sangka serta menyangkal mana-mana maklumat-maklumat mengenai Malaysia yang tidak benar. Jika perkara seperti ini berlaku, pihak perwakilan dengan serta-merta berhubung dengan pihak yang berkenaan serta memberikan penjelasan dan penerangan yang lanjut dan benar demi menjaga imej negara.

PENDATANG HARAM VIETNAM

19. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

menyatakan sama ada pendatang-pendatang haram dibiarkan keluar merayau-rayau dengan perahu-perahu kecil yang diperbuat sendiri oleh mereka di perairan Pulau Bidong dan adakala mereka inilah juga mengancam keselamatan nelayan-nelayan Bumiputra, sedangkan nelayan Bumiputra ditegah dari mendekati Pulau tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Untuk makluman Yang Berhormat, kesemua pendatang-pendatang haram Vietnam (PHV) yang mendarat di dalam negara kita ini akan dihantar terus ke kem penempatan sementara PHV Pulau Bidong Trengganu. Kem ini adalah dikawal dan ditadbir oleh pegawai-pegawai Penjara. Di samping itu mereka ini dibantu oleh pegawai-pegawai RELA dan Polis bagi menjaga keselamatan pendatang-pendatang haram. Oleh itu, kesemua pendatang-pendatang haram itu adalah dilarang sama sekali keluar daripada kawasan tersebut untuk menangkap ikan. Walaupun pada suatu masa dahulu terdapat beberapa orang pendatang haram Vietnam yang telah keluar ke laut dengan menggunakan bot-bot kecil yang diperbuat sendiri (yang dibuat daripada plywood) tetapi sekarang ini kesemua bot-bot tersebut telah dibakar dan dimusnahkan. Setakat ini tidak ada lagi kejadian pendatang-pendatang haram Vietnam yang telah pergi ke laut untuk menangkap ikan.

Selain daripada itu ingin dimaklumkan di sini bahawa Pulau Bidong ini telah diisytiharkan sebagai kawasan larangan pada 1-8-1978 (mengikut *gazette No. PU (A) 227* bertarikh 1-8-1978) dengan pengisytiharan ini kawasan air sejauh 200 ela sekeliling pulau tersebut adalah kawasan larangan. Sekiranya nelayan-nelayan tempatan dapat mematuhi arahan di atas ini maka keselamatan mereka adalah sentiasa terjamin.

BAKAL HAJI MALASIA—URUSAN PERJALANAN

20. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengenakan syarat sekatan atau kawalan kepada syarikat-syarikat swasta yang menjalankan urusan membawa bakal-bakal haji dari Malaysia ke Mekah.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Sekatan atau kawalan terhadap mana-mana pihak yang hendak mengatur urusan perjalanan orang Malaysia untuk menunaikan Fardhu Haji sudah sedia ada dalam Akta LUTH (Pindaan) 1973.

Mengikut Seksyen 67A dan 67B Undang-undang itu tiada seorang atau suatu kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak, boleh, tanpa membuat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji, menjalankan atau membuat urusan perjalanan udara bagi orang Malaysia untuk menguruskan mereka menunaikan Fardhu Haji.

Sesiapa yang melanggar undang-undang itu adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada \$10,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali.

UDA—MENAMBAH HAKMILIK HARTA BUMIPUTRA

21. Tuan Syed Kamaruzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada UDA, dalam pelaksanaan dasar penyusunan semula masyarakat, akan membantu Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mengatur dan menyusun kawasan-kawasan setinggan di bandar, khususnya di Wilayah Persekutuan dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Bagi melaksanakan dasar penyusunan semula masyarakat, UDA berusaha menambahkan hakmilik harta tanah Bumiputra di bandar dan juga penyertaan Bumiputra dalam perniagaan di kawasan-kawasan bandar. Ini dibuat menerusi program-program pembangunan bandar secara menyeluruh yang meliputi pembangunan semula bandar dan pembangunan bandar baru. Sekiranya dalam melaksanakan program-program tersebut terdapat kawasan-kawasan setinggan, maka pihak UDA akan mengambilkira masalah itu di dalam perhitungan perancangannya. Di dalam konteks ini, UDA sentiasa berhubung rapat dan bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah

kawasan-kawasan setinggan di bandar-bandar.

Di Wilayah Persekutuan khususnya segala perancangan, termasuklah yang melibatkan masalah kawasan-kawasan setinggan adalah dibincangkan dengan rapi dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dengan pihak Bandaraya.

BUKU/MAJALAH/GAMBAR LUCAH PENGIMPOR

22. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussien minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tindakan yang dibuat untuk mengesan pengimport buku-buku, majalah-majalah dan gambar-gambar lucah.

Dato' Musa Hitam: Setakat ini tidak ada didapati pengimport yang membawa masuk secara rasmi penerbitan-penerbitan lucah. Setiap penerbitan yang dibawa masuk ke negara ini diperiksa di tempat-tempat masuk oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Polis, Pegawai-pegawai Kastam atau Pegawai-pegawai Pos, sebelum ianya dibawa masuk dan djedarkan. Bahan-bahan lucah tidak ada dibawa masuk melalui saluran-saluran ini, tetapi jika terdapat juga dalam edaran adalah dipercayai dibawa masuk secara haram.

Bagi menyekat pengedaran bahan-bahan lucah daripada disebarkan kepada orang ramai, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Polis sentiasa menjalankan pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa ke atas pengedar-pengedar bahan-bahan bacaan di negara ini. Mereka yang didapati ada memiliki bahan-bahan lucah, didakwa di Mahkamah.

PENTERNAK KECIL LEMBU TEMPATAN

23. Puan Rahmah binti Othman minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada berikutan dari penarikan skim subsidi Kerajaan terhadap Majuternak beliau akan menggalakkan lebih banyak penternak-penternak lembu tempatan menternak lembu untuk mengatasi kekurangan daging lembu;
- (b) sama ada Kerajaan akan memberi bantuan atau jaminan kepada

penternak-penternak lembu tempatan yang ingin meluaskan perusahaan mereka dalam bidang ini; dan

- (c) sama ada beliau akan memberi jaminan untuk mengawal harga daging lembu yang akan diusahakan oleh penternak-penternak tempatan.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):

- (a) Kerajaan sentiasa memberi galakan untuk lebih ramai penternak-penternak kecil lembu tempatan menternak lembu-lembu bagi mengatasi kekurangan daging di negara;
- (b) Kerajaan akan terus memberi bantuan dan galakan kepada penternak-penternak kecil lembu tempatan yang ingin meluaskan perusahaan ternakan mereka di bawah beberapa rancangan ternakan subsidi dan melalui khidmat-khidmat pengembangan termasuk perkhidmatan pembiakan, perkhidmatan bekalan rumput fodder, kawalan penyakit-penyakit ternakan dan pemasaran ternakan dan hasil-hasil ternakan;
- (c) Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memberi jaminan bagi mengawal harga daging lembu yang diusahakan oleh penternak-penternak tempatan, tetapi Kerajaan akan sentiasa mengawasi harga-harga jualan ternakan dan daging pasaran supaya harga-harga ini berpatutan.

**RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT—
BAKI PERUNTUKAN**

24. Dato' Ismail bin Hashim minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah baki wang daripada peruntukan bagi Rancangan Malaysia Keempat yang masih belum dibelanjakan dan nyatakan sebab-sebab.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, peruntukan Rancangan Malaysia Keempat (RM4) berjumlah \$42,829.5 juta. Dari jumlah ini, peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah \$39,329.5 juta. Sebanyak \$7,133.7 juta atau

lebih kurang 18% telah dibelanjakan hingga bulan Oktober, 1981. Ini bermakna masih terdapat baki sebanyak \$32,195.8 juta yang masih belum dibelanjakan.

Sebab utama sejumlah besar peruntukan RM4 masih belum dibelanjakan ialah kerana rancangan tersebut baru sahaja dilancarkan iaitu pada 27hb Mac, 1981, atau sejak 9 bulan yang lalu.

**PENANG DEVELOPMENT
CORPORATION (PDC)—
JENTERA PENTADBIRAN**

25. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada:

- (a) Kerajaan akan bercadang menyusun semula jentera pentadbiran PDC (Penang Development Corporation);
- (b) Kajian akan dibuat dan dilaksanakan supaya PDC lebih merupakan satu badan untuk membantu meninggikan ekonomi rakyat daripada kegiatan perniagaan yang mementingkan keuntungan yang lebih; dan
- (c) PDC telah dan akan memainkan peranan menyusun semula masyarakat mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Datin Paduka Rafidah Aziz:

- (a) Kedudukan Jentera Pentadbiran bagi suatu organisasi itu adalah sentiasa dikaji supaya boleh menghasilkan kerja dengan cekap, licin dan berkesan. Proses penyusunan atau penyusunan semula dan pembaikan bagi suatu organisasi adalah merupakan suatu proses yang dinamik dan berterusan. Dalam hal ini "Penang Development Corporation" (PDC) adalah tidak berkecuali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya telah dan akan sentiasa mengkaji, meneliti dan membuat pembaikan terhadap mana-mana agensi yang diletakkan di bawah Kementerian ini, untuk disesuaikan dengan matlamat Kerajaan.
- (b) Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PDC adalah pelbagai, dari yang pembinaan rumah kos rendah hingga ke

aktiviti-aktiviti yang bersifat komersial, misalnya, pelaburan dalam syarikat-syarikat. Adalah menjadi dasar Kementerian saya bahawa semua agensi seharusnya membuat keuntungan dalam aktiviti-aktiviti yang bersifat komersial. Sementara bagi aktiviti-aktiviti seperti pembinaan rumah kos rendah maka projek-projek itu mesti dapat memenuhi hasrat-hasrat rakyat dan Kerajaan. Misalnya, dalam projek perumahan, saya telah memberi arahan kepada PDC dan semua PKEN supaya melaksanakan konsep 'cross subsidy' bagi menampung pembinaan perumahan kos rendah. Oleh itu tidaklah tepat anggapan mengatakan Perbadanan mementingkan keuntungan yang lebih dalam seluruh projek-projek yang dijalankan.

- (c) Tujuan penubuhan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN-PKEN) adalah sebagai satu agensi pelaksanaan untuk membantu mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dalam hal ini PKEN-PKEN telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi yang melaksanakan peranan sebagai 'caretaker' 'catalyst' dan 'pemegang amanah' untuk kaum Bumiputra. Oleh itu, mana-mana agensi yang di bawah Kementerian saya tidak menjalankan peranan di atas atau peranannya kurang berkesan akan dikaji semula dan diubahsuai dari masa ke semasa.

KAWASAN DI LAUT CHINA SELATAN— TUNTUTAN MALAYSIA/THAILAND

26. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Luar Negeri menyatakan, adakah benar Malaysia dan Thailand sama-sama menuntut satu kawasan seluas kira-kira 3,000 batu persegi di Laut China Selatan; jika benar sejak bilakah masalah tersebut timbul dan bagaimana kemajuan rundingan pihak berkuasa kedua-dua buah negara itu serta apakah hasil-hasil yang terdapat di kawasan itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Adalah benar bahawa Malaysia dan Thailand sama-sama menuntut satu kawasan seluas kira-kira 3,200 batu persegi ke arah Laut China Selatan dari pantai Kelantan dan Selatan Thai. Ini adalah akibat daripada kedua-dua buah negara pada masa yang lampau telah membuat pengumuman persendirian (unilateral claim) dan memberi konsesi kepada Syarikat-syarikat mencarigali dan explorasi sumber-sumber minyak, sewaktu belum ada lagi persefahaman antarabangsa yang jelas mengenai penentuan garisan sempadan pelantar benua. Dengan demikian tuntutan-tuntutan kedua negara ada kalanya bertindih (overlap) seperti kawasan yang dimaksudkan ini.

Kerajaan Malaysia dan Thailand berpendapat adalah wajar masalah tuntutan bertindih tersebut diselesaikan secara perundingan. Perundingan untuk menentukan pelantar benua masing-masing di Laut China Selatan telah dijalankan sejak bulan September, 1972. Hingga tahun 1979 kedua pihak telah bersetuju dengan satu garisan bersama dari pantai hingga ke satu titik (common point) kira-kira 68 batu ke arah timur-laut daripada pantai Kelantan. Ini telah dimaktubkan di dalam satu Memorandum Persefahaman mengenai perempadanan pelantar benua kedua-dua negara di Teluk Siam yang telah ditandatangani oleh kedua Perdana Menteri pada 24hb Oktober, 1979.

Walau bagaimanapun, sempadan garisan pelantar benua selepas titik yang dipersetujukan ini tidak dapat diselesaikan dengan satu garisan yang sama kerana kawasan yang dituntut oleh pihak Thai dalam garisannya bertindih dengan kawasan yang dituntut oleh Malaysia. Tuntutan bertindih ini adalah hasil daripada pengumuman persendirian (unilateral claim) oleh Kerajaan masing-masing seperti yang saya sebutkan tadi.

Sementara penyelesaian matlamat mengenai kawasan bertindih yang boleh dipersetujui oleh kedua buah negara dicapai, Malaysia dan Thailand telah bersetuju bahawa segala masalah yang dihadapi di pelantar benua yang dipertikaikan itu akan dipertanggungjawabkan kepada satu Pihak Berkuasa Bersama Malaysia/Thailand (Joint

Authority). Penubuhan badan ini telah dipersetujui dalam satu Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani oleh kedua Perdana Menteri pada 21hb Februari, 1979 di Chengmai.

Tujuan Pihak Berkuasa Bersama tersebut ialah untuk mencarigali dan mengeksploitasi sumber-sumber di kawasan tuntutan bertindih selama 50 tahun dan segala hasil yang didapati di kawasan itu akan dikongsi oleh kedua buah negara. Hal-hal lain berkaitan dengan penubuhan Badan tersebut masih lagi dalam peringkat perundingan sebelum badan ini berjalan dengan penuh kuasa.

Harus diperingatkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah muktamad sempadan pelantar benua di Lautan China Selatan antara Malaysia dengan Thailand akan terus diperbincangkan secara rundingan berdasarkan kepada prinsip Undang-undang Antarabangsa serta semangat persaudaraan dan kepentingan keselamatan bersama.

Untuk makluman Yang Berhormat beberapa kajian geologi untuk menentukan sumber-sumber di kawasan bertindih ini sedang dilaksanakan untuk menentukan apakah hasil-hasil yang sebenarnya terdapat di kawasan tersebut.

PENDATANG HARAM INDONESIA

27. Dr Gan Kong Seng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan ramainya pendatang-pendatang haram dari Indonesia dalam tiga tahun kebelakangan ini, berapakah bilangan pendatang haram dari Indonesia dalam tiga tahun kebelakangan ini, berapakah bilangan pendatang haram dari Indonesia telah diberkas oleh pihak Polis atas tuduhan:

- (a) memasuki Malaysia secara haram;
- (b) kegiatan-kegiatan jenayah.

Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil supaya mengelakkan kemasukan pendatang secara haram dari Indonesia.

Dato' Musa Hitam: Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan ini dan juga merangkumi semua soalan-soalan

yang sama maksudnya yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan K. Kumaran pada 15-12-81, Yang Berhormat Puan Rogayah Ariff pada 18-12-81, Yang Berhormat Dr Chooi Kooi Fook pada 11-1-82 dan 12-1-82.

Kerajaan tidak mempunyai angka-angka pendatang haram dari Indonesia kerana kalau adapun mereka masuk ke negara ini secara haram. Walau bagaimanapun, bilangan pendatang haram yang telah ditangkap dan diusir keluar sejak tahun 1979 sehingga Ogos, 1981 ialah seramai 6,977 orang.

Kerajaan tidak bercadang untuk mendaftarkan atau memberikan taraf penduduk tetap kepada pendatang haram dari mana-mana negara termasuk Indonesia. Sekiranya diketahui kehadiran mereka pihak berkuasa akan menangkap dan mengusir mereka keluar dari negeri ini. Oleh yang demikian, masalah pengawasan bagi memastikan mereka tidak melakukan kegiatan-kegiatan yang menjejaskan ketenteraman awam tidak timbul.

Pemberian taraf penduduk tetap adalah hanya diberikan kepada mereka yang layak sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan Imigresen 1963 dan Akta Imigresen 1959/1963.

Sebagai langkah memperkuatkan lagi kawalan ke atas kemasukan pendatang haram, Unit Penguatkuasa Jabatan Imigresen diperbesar lagi. Unit tersebut yang pada mulanya hanya mempunyai seramai 18 orang pegawai dalam 1974, kini telah ditambah menjadi seramai 143 orang. Pihak Imigresen juga mendapat kerjasama dari Polis Di Raja Malaysia dan juga Tentera Laut Di Raja Malaysia dalam mengawasi masalah ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (11hb Disember, 1981).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad menyambung ucapan.

3.35 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyambung ucapan saya di akhir minggu yang lepas.

Saya terlebih dahulu meminta maaf banyak-banyak dengan sebab pada hari ini saya telah menderita sakit batuk dan sedikit-sedikit demam. Dengan sebab itu saya tidak dapatlah hendak bercakap dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga sangat-sangatlah banyak wang negara diperuntukkan kerana pembangunan negara seperti membuat sekolah-sekolah, jalan-jalanraya dan lain-lain lagi. Tetapi sebagaimana biasa, projek-projek yang dirancang itu banyak sangat yang menemui kegagalan dengan bermacam-macam sebab.

Saya suka menyatakan di sini, di Dewan yang mulia ini kegagalan-kegagalan itu tidak patut saya sahaja menyebutnya tetapi dengan alasan dari Menteri-menteri sendiri. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, menurut Dato' Haji Suhaimi, Timbalan Menteri Pelajaran sebanyak 74 buah projek pembinaan dan tambahan sekolah-sekolah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di Pulau Pinang terbungkalai kerana beberapa sebab seperti setingan, masalah kontraktor dan projek-projek ini akan dibawa pula ke dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Pada 24hb September, 1981 beliau melawat Jabatan Pelajaran Negeri Kedah dan di dalam taklimat oleh Pengarah Pelajaran Negeri didapati dari 405 buah projek Jabatan Pelajaran Kedah yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, hanyalah 101 projek sahaja yang berjaya disiapkan di akhir Rancangan Malaysia Ketiga pada tahun 1980. Bakinya 304 dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Keempat, dibawa juga. Peruntukan kerana melaksanakan 405 projek itu iaitulah \$78,935 juta yang habis dibelanjakan untuk 101 projek itu hanyalah \$20,716 juta. Baki yang belum dapat dibelanjakan ialah \$58,218 juta. Dan tatkala

dia menyebutkan kegagalan-kegagalan itu katanya daripada pihak Jabatan Kerjaraya 146 kes mengenai penyediaan ringkasan projek, 84 kes mengenai penyeliaan pelan dan kerja-kerja awal. Jadi kalau kita tengok di sini, Tuan Yang di-Pertua, bolehlah dibandingkan di negeri-negeri yang lain. Kalau di negeri Kedah, negeri tempat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di dalam persekolahannya hanyalah 21% sahaja projek dalam Rancangan Malaysia Ketiga dapat disiapkan. Maka cubalah kita fikir di negeri-negeri yang lain lagi.

Kemudian Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi Junid pula berkata di Baling pada 19hb Oktober, 1981:

“Saya tahu ada beberapa pihak yang cuba melambatkan projek-projek di kawasan luarbandar seperti di Baling. Pelaksanaan projek pembangunan di luarbandar perlu diberi perhatian dengan seberapa segera. Sehingga ini masih ada pembinaan jalan satu batu memakan masa selama lima tahun.”

Ini bukan saya kata, Tuan Yang di-Pertua, ini kata Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Begitulah gayanya JKR melaksanakan kerja-kerjanya. Jalan satu batu lima tahun, jadi sekiranya 10 batu, kita kali sahalalah. Inilah keadaannya.

Kalau cara macam ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak manapun estimates yang diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Keempat ataupun estimates untuk tahun 1982 bagaimana yang dibentangkan di hadapan kita sekarang ini, kalau kegagalan-kegagalan seumpama ini, ini nampaknya molek di kertas sahaja, molek pada pandangan sahaja tetapi pada praktikalnya tidak ada satupun. Saya harap benar-benar dengan sebab Kerajaan kita sekarang ini, Kerajaan bekerja maka diharap perkara-perkara seumpama ini tidak patut berlaku lagi. Kita harap mudah-mudahan pada masa yang akan datang pihak Kementerian dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri maka segala apa yang direncanakan di dalam Rancangan Malaysia Keempat janganlah berlaku sebagaimana yang berlaku di dalam Rancangan Malaysia yang Kedua, yang Ketiga sehinggakan ada lagi projek-projek yang tidak disempurnakan dari Rancangan Malaysia yang Pertama.

Di dalam pembinaan sekolah-sekolah, Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi di sekolah-sekolah di luar bandar sangatlah tidak patut. Pembinaan sekolah-sekolah itu tidak dapat disiapkan menurut rancangannya kerana ia melibatkan pelajaran murid-murid. Kalau sekiranya sekolah-sekolah itu tidak dapat disiapkan ini betul-betullah menjadi aniaya-satu kezaliman kepada murid-murid yang hendak datang belajar di sekolah itu. Maka kalau kita tanya pihak Kerjaraya, pihak Jabatan Pelajaran dan sebagainya ada sahaja alasan-alasan yang mengatakan kegagalan itu, adalah dengan sebab kontraktornya tidak menyempurnakan dengan bagus, gendalaan itu, gendalaan ini, macam-macamlah gendalaan yang disebutkan itu.

Kerap kali kita membaca di dalam suratkhbar-suratkhbar sekolah-sekolah yang hampir sujud ke bumi sekolah-sekolah yang bocor, sekolah yang sebahagiannya besar daripada kerusi mejanya telah usang dan penyandar-penyandarnya telah patah, murid-murid berkongsi kerusi seperti yang berlaku di Sekolah Kebangsaan Simpang Empat, Parit Jamek Barat, Muar, murid-murid berkongsi satu kerusi dua orang kerana kerusi-kerusi sudah patah dan sekolah itu sudah usang. Jadi, apakah ertinya Belanjawan 1982 yang berjumlah \$31,951 juta yang diperuntukkan itu, manakala sejumlah \$3,256 juta pula diperuntukkan kepada pelajaran. Patutlah Kerajaan mencari jalan supaya projek-projek dan segala peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan di dalam Belanjawan 1982 dapat disempurnakan, dan supaya kegagalan yang berlaku di dalam Rancangan Malaysia yang Pertama, yang Kedua dan yang Ketiga dahulu itu tidak berlaku lagi di dalam Rancangan Malaysia yang Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebutkan lagi kata-kata Menteri-menteri kita. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam memberitahu di Melaka pada bulan lepas bahawa Kerajaan mulai sekarang iaitu mulai daripada bulan November, 1981 tidak akan teragak-agak untuk menyerahkan kepada pihak swasta melaksanakan keseluruhan projek pembangunan yang dianggap perlu disegerakan dan disiapkan secepat mungkin jika jentera Kerajaan sendiri tidak mampu

untuk memastikan pelaksanaan projek-projek yang dirancangkan itu. Ini saya bagi tahniah apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu. Tidak sepatutnya kita bergantung kepada Jabatan Kerjaraya 100%. Kerjaraya adalah satu Jabatan yang terletak di bawah Perdana Menteri. Jadi, tidaklah semestinya segala projek-projek negeri ini diserahkan bulat-bulat kepadanya sehingga mendatangkan tergendala dan terganggu. Apalah salahnya untuk melaksanakan kemajuan dan pembangunan yang pesat di dalam negara kalau sekiranya pihak Kerjaraya tidak mampu serah sahajalah kepada pihak swasta sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini, sama memuji kepada Datuk Leo Moggie anak Irok, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dia memberitahu di Kuala Trengganu pada 18hb April, 1981 iaitu jikalau pihak kontraktor untuk projek bangunan Ibu Pejabat Wilayah dan Pusat Latihan Telekom di Pantai Timur dianggarkan menelan belanja \$36 juta boleh membuat projek itu dalam masanya ataupun sebelum daripadanya maka dia akan mengeluarkan hadiah kepada kontraktor itu. Jadi, ini saya nampak adalah satu cara, satu jalan yang baik yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Saya fikir tidaklah Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sahaja patut buat begini. Ini patut dibuat oleh Jabatan Kerjaraya, dan pihak Jabatan Kerjaraya mesti memberi tawaran yang seumpama itu dan mana-mana kontraktor, mana-mana pemborong yang dapat melaksanakan projek-projek di dalam masanya atau sebelum daripada masanya patut mereka itu diberi hadiah. Tetapi apa yang berlaku pada masa sekarang, tidak, pihak Kerjaraya mencari salah sahaja.

Kalau sekiranya projek itu dibuat dan disempurnakan sebelum daripada masa ini atau dalam masanya pihak kontraktor itu tidak dapat apa-apa. Tetapi sebaliknya, kalau sekiranya lewat sahaja pihak kontraktor itu menjalankan projek itu maka dia akan dikenakan denda sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian itu. Jadi macam mana perjanjiannya, perjanjian ini tidak adil. Kalau sekiranya lewat dibuat projek itu kontraktor

itu kena denda tetapi kalau segera, tidak ada apa-apa balasan, ini saya fikir tidak betul, kena ubah balik. Kabinet mesti memikirkan balik cara-cara yang seumpama ini. Begitu juga hal pembayaran. Sebagaimana yang disebutkan di dalam Laporan Ketua Odit Negara bagi negeri Johor untuk tahun 1978 bukan semua pembayaran dibuat dengan segera oleh Perbendaharaan dan sebahagian daripada baucar pembayaran telah dibiarkan terkumpul sehingga akhir tahun. Ini satu lagi cara-cara penindasan, Tuan Yang di-Pertua. Apa fasal yang baucar-baucar itu dikumpulkan bertimbun-timbun sehingga akhir tahun baharu diluluskan? Tidakkah ini satu perkara yang aniaya kepada kontraktor-kontraktor. Apabila projek itu telah dibuat dia mengemukakan tuntutan dan apa fasal ditunggu sampai akhir tahun. Tetapi kalau kita tanya pihak Kerjaraya nanti menafikan perkara itu berlaku. Tetapi saya sebutkan apa yang disebutkan oleh Ketua Odit Negara di dalam laporannya yang tidak boleh lari, satu daripada perbuatan-perbuatan yang tidak patut berlaku pada masa sekarang ini.

Berbalik kepada pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak menyentuh banyak dalam perkara pelajaran ini kerana sahabat-sahabat yang dahulu dan mungkin kemudian daripada saya ini akan menyebutkan perkara ini. Saya cuma hendak sebut beberapa perkara hal dalam perkara agama sahaja. Menurut apa yang diberi tahu, apa yang diisytiharkan mengatakan Kementerian bercadang untuk menambah waktu pelajaran agama di sekolah-sekolah rendah mulai tahun 1982 daripada 120 minit seminggu kepada masa yang lebih panjang lagi. Itulah yang diterangkan oleh Dr Abdul Hamid Othman yang menjadi Pengarah, Bahagian Agama di Kementerian Pelajaran, jadi tidak disebut 120 minit itu ditambah banyak mana, 5 minitkah, 10 minitkah, 20 minit?

Saya suka menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada negeri Johor kesemua sekolah-sekolah asalnya adalah kepunyaan hak negeri sendiri, tetapi dengan rundingan yang baik di antara Kementerian Pelajaran dan Jabatan-jabatan Agama atau Majlis-majlis Agama ini diserahkanlah pelajaran agama itu kepada Kementerian Pelajaran, dimasukkan pelajaran agama itu

sebagai satu matapelajaran di sebelah pagi di dalam sekolah-sekolah kebangsaan. Tetapi dengan syarat pada masa itu, saya tahu benar-benar macam di Trengganu, pihak Jabatan Agama Negeri Trengganu memberi syarat iaitu murid-murid ini hendaklah diajar ugamanya dengan masa yang cukup sebagaimana yang Kerajaan Negeri Trengganu berikan dan kesanggupan telah dibuat oleh pihak Kementerian Pelajaran, tetapi apakala diberi sahaja kepada pihak Kementerian Pelajaran ditetapkanlah 120 minit seminggu, bukan 120 minit sehari-seminggu. Jadi dijadikan matapelajaran agama ini 120 minit seminggu ataupun dikatakan 'hisah' ataupun 'period' dalam bahasa Inggeris, bahasa Arab kata 'hisah', kita kata 'masa', tak tahu hendak katalah, kami di sekolah itu baca belaka, hisah pun boleh, period pun boleh. 3 period seminggu, tiap-tiap satu period 40 minit. $40 \times 3 = 120$. Jadi dengan 3 period ini untuk hendak belajar agama, Quran di situlah, Tauhid di situlah, Feqah di situlah, Sejarah di situlah, Akhlak pun di situlah, sekurang-kurangnya 5 matapelajaran dalam 120 minit, itulah yang menyebabkan cicir anak-anak Melayu, cicir anak-anak Islam di sekolah-sekolah Kebangsaan. Maka pihak Jabatan Agama Negeri merayu kepada Kementerian Pelajaran, maka jawabnya hendak timbang, hendak timbang, maka timbul sekarang ini hendak timbang tahun 1982 ini akan diubah tetapi hendak diubah, hendak ditambah banyak mana, cemak mana, wallahua'lam, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu.

Mengenai sekolah menengah pula beliau berkata penyemakan waktu belajar agama sedang dijalankan dan dijangka selesai dalam masa 2 tahun lagi, bukan tahun 1982, dalam masa 2 tahun lagi. Pendeknya, dalam perkara agama ini susah sangat. Walau macam manapun, saya cadangkan janganlah pihak Kementerian Pelajaran memandai-mandai seorang diri sahaja membuatkan ini oleh kerana matapelajaran agama ini diambil daripada Jabatan-jabatan ataupun Majlis-majlis Agama Negeri maka patutlah pada masa hendak diubah balik, hendak dibuat balik ini diambillah pendapat-pendapat daripada Jabatan Agama ini, diadakan satu mesyuarat. Janganlah pihak Kementerian Pelajaran sahaja fikirkan dia boleh

warna-warnikan, dia boleh buat apa yang dia suka tetapi ingat baik, nasib anak-anak kita, anak-anak Islam ini adalah tanggungjawab negeri-negeri, jadi negeri-negeri itu serah kepada Jabatan Ugama, Jabatan Ugama serah kepada Kementerian Pelajaran, janganlah Kementerian Pelajaran apakala dia hendak mengubah dia dengan mendabik dada, tepuk dada dia buat dengan kepandaian dia sendiri. Saya harap perkara ini tidak berlaku begitu melainkan hendaklah dijemput wakil daripada Jabatan-jabatan Ugama ataupun Majlis-majlis Ugama supaya berunding sama menentukan berapa banyak hisah, masa yang patut ditentukan sama ada sekolah rendah ataupun sekolah menengah.

Berkenaan dengan mengambil alih sekolah-sekolah Ugama Menengah di negeri ini, Tuan Yang di-Pertua, di dalam negeri di seluruh Malaysia ini banyak sekolah-sekolah ugama menengah, jadi pihak Kementerian sekarang ini sudah mengambil 15 buah daripada negeri itu dijadikan hak Kementerian dan sukatan pelajarannya ataupun kurikulumnya berlainan daripada apa yang dijalankan di sekolah-sekolah kebangsaan. Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Dato' Haji Suhaimi dikatakan tahun 1982 ini Kementerian Pelajaran akan ambil 10 buah lagi. Kalau sekiranya hendak ambil macam itu apa fasal ambil 15, ambil 10, macamlah pihak Kementerian Pelajaran ini satu Kementerian yang miskin padahal kita tengok di dalam Budget Kementerian Pelajaranlah jatuh nombor dua. Pihak negara memberikan satu peruntukan (estimate) kepada Kementerian Pelajaran yang begitu besar—\$3,000 juta lebih untuk dibelanjakan. Jadi kalau hendak ambil 10 buah, 15 buah ini berapalah sangat dibayar gaji, ini memalukan. Kepada saya lebih baiklah Kementerian Pelajaran ini berunding, biarlah diambil ke semua sekali sekolah-sekolah menengah ugama itu diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran dibayarkan gaji gurunya, diperbaiki sekolahnya dan dijalankan sukatan pelajaran sama di seluruh Malaysia, itu yang lebih baik. Saya tidak bersetuju sangat tahun lepas dia ambil 15 tahun 1982 hendak ambil 10, tahun 1983 hendak barangkali 10 lagi, tahun 1984 10 lagi, bila hendak habis? Ini macam satu langkah yang tidak bersungguh-sungguh

kepada saya tetapi walau macam manapun saya mengucapkan terima kasih, tahniah kepada Kementerian Pelajaran yang telah mengambil itu, ini adalah satu perkara yang baik.

Berkenaan tulisan jawi, Tuan Yang di-Pertua, saya pun berasa malu hendak bercakap di Dewan yang mulia ini. Semangnya masa belum perang dahulu kalau Jabatan Pelajaran Negeri maka seseorang itu apakala masuk sekolah sahaja memang diajarkan dalam dua tulisan; tulisan jawi dan tulisan rumi dan bukannya payah, perkara ini senang sahaja. Belajar tulisan jawi cukup senang, cuma 28 huruf sahaja, tetapi hendak atau tak terpulanglah kepada inisiatif sendiri.

Baru-baru ini di dalam bulan Oktober seorang pelajar namanya Mohd. Fairuz bin Haji Abu Talib, berumur 7 tahun, seorang murid Darjah I daripada Sekolah Rendah Kebangsaan (China) Kajang, dia orang Melayu tetapi dia belajar di Sekolah Kebangsaan (China) Kajang, telah khatam mengaji Quran dengan bertajwid - Darjah I telah khatam mengaji Quran, dan dapat menguasai tulisan jawi dan telah mengambil bahagian di dalam Musabaqah Membaca Quran Peringkat Sekolah Rendah Ugama Selangor, di Tanjong Karang, cuba tengok. Perkara ini kalau kita bercakap barangkali tak masuk akal, tak menasabah, budak Darjah I boleh menulis jawi, boleh membaca Quran dengan tajwid tetapi inilah yang telah berlaku, kalau sekiranya usaha yang bersungguh-sungguh dibuatkan.

Maka sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, di dalam rumusan Seminar 3M yang dianjurkan oleh Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Lulusan Maktab Semenanjung Malaysia, Cawangan Kelantan baru-baru ini mendesak supaya Kementerian Pelajaran menggunakan pengajaran tulisan jawi ditahap Darjah I di bawah Sistem 3M yang akan dilaksanakan di seluruh negara mulai tahun 1983. Ini adalah betul-betul logik. Kalau sekiranya tulisan jawi ini tidak dijadikan satu matapelajaran dan tidak dimasukkan di bawah kurikulum yang akan dijalankan tahun 1983 maka itulah pihak Kementerian tidak dapat berbuat apa-apa yang sebagaimana sekarang ini dibebankan kepada guru-guru ugama sahaja. Banyak cikgu-cikgu Melayu yang mengajar

Bahasa Kebangsaan mengatakan tak erti hendak tulis jawi, ini perkara yang aib, Tuan Yang di-Pertua. Seorang cikgu tak tahu hendak menulis tulisan jawi, alasannya kerana dia tidak belajar, sebaliknya pula Mohd. Fairuz ini Darjah I boleh menulis jawi, cikgu tak boleh menulis jawi, dengan sebab itu dia tidak boleh mengajar tulisan jawi kepada pelajar-pelajar ini.

Dengan sebab dalihnya itu ustaz-ustaz di sekolah itulah yang akan mengajar tulisan jawi. Maka perkara ini tidak boleh dipermain-mainkan, jangan biarkan guru-guru itu permain-mainkan bahkan hendaklah dijadikan satu dasar yang tegas siapa yang mengajar Bahasa Kebangsaan di sekolah itu maka dia mesti mengajar tulisan Jawi. Kalau dia tidak tahu dia mesti belajar, belajar tulisan jawi. Kalau dia tidak tahu, tidak pandai, beri peluang kepada dia sebagaimana sekarang ini Kerajaan memberi peluang kepada mana-mana pegawai Kerajaan yang tidak lulus Bahasa Kebangsaan maka gajinya tidak dinaikkan, incrementnya ditahan. Apa salahnya buat kepada guru-guru sekolah Melayu begitu. Jadi, guru-guru Melayu kita yang tidak tahu tulisan Jawi ini beri peluang kepadanya, setahun, dua tahun, kalau dia tidak dapat menguasai tulisan Jawi maka incrementnya tidak boleh naik sama ada di dalam C1, C2, D1, D2, tidak boleh. Maka saya fikir tidak 'dan', orang sini kata tidak sampai dua tahun, orang Trengganu kata tidak 'dan', orang sini kata tidak sampai; tidak sampai dua tahun kesemua guru-guru kita itu 99.9% akan tahu pelajaran Jawi dan boleh mengajar Jawi.

Berkenaan dengan pelajaran agama di sekolah pula, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini diajarkan pelajaran agama itu walaupun dengan 120 minit seminggu, diajarkan di sekolah Kebangsaan dari darjah satu sampai darjah enam - bagus. Manakala sekolah menengah pula diajar daripada tingkatan satu sampai kepada tingkatan lima, tidak diajar pada tingkatan enam. Jadi dalam tingkatan enam ini ditahan pelajaran agama. Ini satu perkara yang aib juga. Dengan sebab itulah kita dapati banyak orang tidak puas hati dengan cara ini. Ada persatuan-persatuan yang membuat protes yang seumpama ini. Maka yang akhir sekali kita dengar ialah Duli

Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Mahmud Iskandar Al-haj yang baru dilantik menjadi Canselor Universiti Teknologi Malaysia di dalam titah Baginda di Konvokesyen Kelima di universiti itu pada hari Sabtu kelmarin telah menggesa Kerajaan supaya menjadikan pelajaran Ugama Islam sebagai mata pelajaran yang wajib di peringkat sekolah rendah sehingga ke universiti. Jadi, Duli Yang Maha Muli Sultan Johor sebagai Canselor Universiti Teknologi Malaysia Baginda menggesa begitu. Pelajaran Ugama Islam bukan sahaja diajarkan di sekolah-sekolah rendah, bukan sahaja diajarkan di sekolah-sekolah menengah tetapi sampai kepada universiti. Saya tidak tahulah sekadar mana ia akan bersambut daripada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor itu.

Satu lagi berkenaan dengan pelajaran ini, saya hendak bangkitkan masalah asrama, Tuan Yang di-Pertua. Dahulu saya sudah biasa bawa di dalam Dewan yang mulia ini bagaimana pelajar-pelajar di luar bandar, sekolah-sekolahnya itu adalah berselerak, jalan-jalan untuk sampai ke sekolah di antara rumah pelajar-pelajar itu jauh di antara satu sama lain. Jadi, moleklah dibuatkan asrama, mini asrama berhampiran sekolah itu untuk dikumpulkan murid-murid itu, tetapi saya nampak ucapan dan rayuan saya itu tidak bersambut.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, Encik Zainal Abidin bin Haji Mohamed yang menjadi Pegawai Daerah Kuala Lipis, Pahang telah merayu pula sekali lagi, merayu supaya Menteri Pelajaran membina dan menggalakkan mini asrama untuk menempatkan pelajar-pelajar di kawasan yang terpencil, kerana katanya pembinaan asrama-asrama di kawasan pedalaman adalah satu tindakan yang bijak untuk memberikan pendidikan pelajaran kepada penduduk luar bandar. Seluruh pelajar sekolah rendah yang berselerak di kawasan pedalaman dapat disatukan dengan diberikan kemudahan yang diperlukan. Kebanyakan daripada pelajar-pelajar pedalaman itu datang ke sekolah dengan berjalan kaki berbatu-batu jauhnya. Ada yang menaiki perahu, sampan dan motor-bot, maka timbullah peristiwa sampan terbalik,

perahu tenggelam yang mengorbankan banyak nyawa. Jadi, saya sokong sangat-sangat berkenaan dengan mini asrama didirikan.

Kemudian berkenaan dengan asrama penuh. Ini telah berlaku di negeri Trengganu. Sekolah Menengah Teknikal Kuala Trengganu berasrama penuh, mempunyai pelajar 500 orang lelaki dan perempuan; bercampur lelaki dan perempuan di seluruh Malaysia. 2/3 tinggal di asrama, baki lagi 1/3 tinggal menyewa rumah berhampiran dengan sekolah itu, mendapat subsidi daripada Yayasan Trengganu.

Tiga pelajarinya baru-baru ini telah digantung persekolahan selama dua minggu mulai 22-9-81 kerana menyimpan dan mengedar buku-buku lucah iaitu pelajar Tingkatan Lima dan Enam dan banyak lagi dilakukan seperti merokok, ponteng sekolah dan sebagainya. Jadi, cubalah Tuan Yang di-Pertua fikir, sekolah yang berasrama penuh begitu pula. Jadi murid-murid yang datang daripada seluruh Malaysia ini bertumpu ke sekolah itu. Apa yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran itu bagus, apakala didirikan sebuah sekolah menengah di sesuatu negeri bukan bermakna untuk pelajar negeri itu sahaja, boleh diambil daripada seluruh Malaysia; tetapi apa yang tak moleknnya pelajar-pelajar itu tidak dapat ditempatkan di dalam sebuah asrama kerana kekurangan tempat. Jadi pelajar-pelajar itu menyewa rumah berhampiran dengan asrama itu. Di sinilah puncanya. Di sekolah ini pula bercampur lelaki dan perempuan. Jadi bagaimana. Tempat penginapan pelajar-pelajar pula tidak di dalam kawalan sekolah dan tidak di dalam kawalan Yayasan Terengganu sebagaimana yang diberi subsidi, diserahkan bulat-bulat kepada pelajar-pelajar itu sendiri. Maka apalah peliknya kalau berlaku di antara pelajar-pelajar itu perkara-perkara yang tidak patut disebut di dalam Dewan yang mulia ini. Tidak usahlah setakat gambar-gambar lucah, lebih daripada gambar lucah pun akan berlaku. Saya harap di dalam pembinaan asrama-asrama ini, sekolah-sekolah yang seumpama Sekolah Teknikal, Sekolah Vokesyenal dan sebagainya biarlah cukup asrama didirikan supaya pelajar-pelajar itu dapat ditempatkan di situ dengan secukupnya.

Saya beralih satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, kepada masalah tanah. Kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua mengizinkan dan batuk saya tidak mengganggu saya, insya Allah banyak perkara yang saya hendak sebutkan dalam Dewan yang mulia ini. Itu terpulanglah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Masalah tanah, Tuan Yang di-Pertua, dasar tanah ini ialah dasar Negeri. Mengikut di dalam Perlembagaan kita tanah ini adalah di bawah pentadbiran Negeri bukannya di bawah pentadbiran Persekutuan. Jadi, Kerajaan Negeri adalah berkuasa di atas tanah negeri masing-masing, maka di sinilah timbulnya perkara-perkara, timbul tidak ada persefahaman, tidak ada koordinasi, tidak ada kerjasama di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri, sama ada di dalam bahagian Tanah ataupun di dalam Bahagian Perhutanan. Kerajaan Pusat hanyalah boleh menasihati sahaja kepada Kerajaan Negeri boleh tolak itu tetapi sebagaimana yang kita tahu sekarang ini kesemua Kerajaan Negeri adalah Kerajaan Barisan Nasional dan Kerajaan Pusat juga Kerajaan Barisan Nasional. Kepada saya tidak ada satu perkara yang boleh menjadi perselisihan.

Kalau sekiranya Kerajaan Pusat Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Negeri juga Kerajaan Barisan Nasional boleh dibuat persefahaman di dalam berbagai perkara. Maka tidaklah timbul masalah pemberian tanah yang tak betul, pentadbiran tanah yang tak betul, pencurian tanah, penjualan tanah haram bermacam-macam timbul di dalam surat khabar.

Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, banyak tanah-tanah yang terbiar yang tidak diproses yang kebanyakannya ialah tanah-tanah padi sampai beratus-ratus ribu ekar bukan seribu ekar bahkan beratus ribu sebagaimana yang dinyatakan dalam penyata Kementerian Pertanian bahawa terdapat di bawah 300 ribu orang tak menanam padi, orang meninggalkan tanah, orang tak mahu menanam dan sebagainya.

Satu lagi tak cukup tanah menyebabkan rakyat pergi mencuri tanah Kerajaan, minta tanah tak boleh maka rakyat pun pergi menceroboh tanah Kerajaan, tanam kelapasawit, tanam getah dan sebagainya. Ini

berlaku pada hari ini—dua perkara. Jadi kedua-dua perkara ini tak betul belaka pada pendapat saya. Adakah patut di dalam zaman sekarang ini Bangsa-bangsa Bersatu telah memberi amaran yang makanan akan berkurangan dan dunia kita sekarang ini berhadapan dengan kekurangan makanan, tiba-tiba kita membiarkan negeri kita ini penuh dengan tanah yang tidak diteroka, tanah-tanah padi yang ditinggalkan, tanah dusun, tanah pekebun kecil getah yang tidak ditoreh dan sebagainya. Mestilah Kerajaan mencari jalan supaya tanah yang diteroka sama ada menerusi undang-undang atau sebagainya, jangan biarkan begitu, kita mesti jalan, kerana bagaimana kita tahu sekarang makanan di Malaysia ini hanyalah 80% sahaja padi dalam Malaysia cuma diusahakan 80% sahaja, 20% kita masih berhajat daripada luar. Kita masih import daripada Thailand, kita import dari India, kita import dari Burma 20% lagi sedangkan dalam negeri kita masih banyak tanah kosong, kenapa tidak dikerjakan, tidak dibuat.

Di Johor rancangan hendak membuka tanah-tanah, dijemput orang-orang daripada Kedah datang untuk diberi pertolongan, diberi subsidi, diberi rumah dan sebagainya. Ini satu daripada caranya. Ini tidak tanah-tanah itu apakala tuan tanah tidak buat, dibiarkan sahaja, kadang-kadang orang itu menipu pula, dia pergi ke FELDA pada hal tanah dia ada di kampung tidak dikerjakan, dia duduk di FELDA pula dapat tanah, orang FELDA buat diam—biarlah, biar pergilah. Jadi masalah biar-biar inilah tak jadi, Kerajaan tidak bersungguh-sungguh. Saya harap Kerajaan di bawah pimpinan Dr Mahathir tak boleh begini, kalau sekiranya tanah dia ada di kampung, pecat dia daripada FELDA, biar dia balik bekerja di tanah dia sendiri di kampung.

Kemudian masalah orang kelaparan tanah. Kelaparan tanah ini ada dua jenis: taukeh-taukeh besar pergi meneroka tanah di negeri Johor sampai 17 ribu ekar diteroka oleh taukeh-taukeh untuk diupah orang mengusahakan ladang kelapa sawit dan getah. Di Pahang sampai 40 ribu ekar termasuk taukeh-taukeh, orang kebanyakan dan sebagainya. Di negeri Perlis, di negeri Kelantan tak ada negeri yang mempunyai hutan, tak ada tanah yang tidak diteroka

secara haram. Sekarang timbullah masalah macam mana hendak menyelesaikan 17,000 ekar tanah di Johor. Baru-baru ini 700 ekar tanah di Kluang telah ditanam dengan kelapa sawit maka pihak Pesuruhjaya Tanah dan Galian Johor memerintah supaya pokok kelapa sawit yang ditanam itu dimusnahkan, dibinasakan.

Pada pendapat saya ini tak kena. Mengapa hendak dibinasakan tanaman atas tanah, itu tak betul—membazir. Tentang orang itu masuk menanam, itu salah dia. Kita tidak boleh binasakan tetapi serahkan tanah-tanah itu kepada FELDA, biar dia uruskan. 40,000 ekar di Pahang, 17,000 ekar di Johor, serahkan kepada FELDA iaitu perbadanan Kerajaan. FELDA akan menjemput rakyat yang tak ada mempunyai tanah supaya duduk di situ untuk menanam getah daripada muda-muda lagi bukannya bagus dapat ditanam, kemudian boleh dipetik kelapa sawit, sesudah itu boleh menerima buahnya. Jangan kita kata pula kalau buat begitu aniaya kepada orang yang menanam mula-mula tadi. Itu bukan aniaya kalau mengikut undang-undang yang menanam itu patut didenda, diheret ke mahkamah. Fasal apa dia menceroboh tanah Kerajaan? Maka dengan keadilan Kerajaan, dengan sifat pemurah Kerajaan tak dibuat apa-apa pada diri dia dan dibiarkan tak masuk jel, tak apalah. Tetapi jangan dia pula memandai-mandai hendak menguasai tanah Kerajaan. Ini salah, yang kedua. Jadi sebab itulah saya nampak apabila saya baca akhbar ini, saya menggeleng 3 kali, saya kata ini tak betul, macam mana caranya. Adakah pula 700 ekar tanah di Kluang dimusnahkan begitu sahaja? Kemudian tanah itu apakala diserahkan kepada FELDA pula akan diteroka dan diserahkan kepada peneroka-peneroka yang baru. Kepada saya ini tak kena, lagu ini tak kena.

Kemudian satu lagi mengenai pekan-pekan baru, Kerajaan membuka tanah di Pahang iaitu di bawah rancangan seperti KESEDAR, KETENGAH dan DARA. Ini semua rancangan-rancangan besar. Maka apakala rancangan-rancangan yang besar seumpama ini dibuat bandar-bandar, ada dengan projek bandar, sekolah dan sebagainya maka apa yang berlaku di hadapan mata kita sekarang ini pihak Kementerian dan jabatan-jabatan tak cukup tanah. Jadi apakala Kerajaan tidak

merezabkan tanah itu untuk Kerajaan pada masa yang akan datang maka berlakulah pembelian tanah dengan harga yang bukan-bukan.

Baru-baru ini kita baca dalam akhbar satu Jabatan Pengangkutan Jalan di Pulau Pinang pada 4hb November, 1981 akan membeli tanah swasta seluas 30 ekar berharga \$14 juta dengan kerjasama Kerajaan Negeri di Sungai Perang Bayan Lepas untuk membina pejabat baru. Jadi oleh kerana kita hendak membina pejabat baru, Jabatan Pengangkutan Jalan Pulau Pinang terpaksa membeli tanah 30 ekar dengan harga \$14 juta. Maka begitulah pada masa yang akan datang apakala hutan-hutan yang telah diteroka telah menjadi bandar sama ada di Pahang, Trengganu, Johor Tenggara dan sebagainya, kalau tak direzabkan tanah-tanah Kerajaan itu untuk kegunaan Kerajaan pada masa yang akan datang akan berlakulah sebagaimana yang berlaku di Pulau Pinang, iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kerjaraya dan apa-apa jabatan juga apabila hendak membina jabatannya, ia terpaksa kena beli daripada pemastautin yang ada di situ bukan dengan harga yang murah tetapi dengan harga \$14 juta. Saya harap Kerajaan mestilah mempunyai fikiran yang waras dan Kerajaan mempunyai rancangan jangka panjang di dalam hal ini, mestilah ada tanah-tanah yang direzabkan ini.

Begitu juga masa dahulu saya biasa bercakap dalam Majlis yang mulia ini berkenaan dengan keretapi. Saya kata di antara negeri-negeri di Malaysia, Trengganu sahaja yang tak ada keretapi, tanah-tanah di Trengganu sedang diproses sekarang ini. Pihak Jabatan Keretapi takkan dia tak ada mempunyai rancangan hendak pergi angkut minyak daripada Trengganu dengan keretapi, mustahil hendak diangkut minyak itu dengan kapal terbang, mestilah angkut minyak sama ada dengan kapal laut atau darat, sama ada dengan lori ataupun dengan keretapi maka apakala negeri Trengganu sudah diteroka sekarang ini, tanah Kerajaan boleh diambil dengan percuma - tak payah bayar satu sen untuk buat jalan keretapi sekarang tetapi cuba dalam masa 10-20 tahun yang akan datang apakala negeri Trengganu itu sudah beres diteroka dan menjadi tanah milik orang barulah Kerajaan hendak buat projek untuk

buat jalan keretapi, masa itu dia akan bayar bukan dengan harga batu, harga tiap-tiap inci tanah akan dibayar oleh pihak keretapi dan pada masa itu pihak keretapi tidak ada daya dan upaya. Tetapi sebagai seorang Senator saya mesti bersuara di sini apa yang saya nampak, walaupun perkara ini tidak dinampak oleh pihak Kerajaan, tetapi saya harap kita nampak dan sengaja dia tidak buat, wallahua'lamlah terpulung kepada dia.

Saya nampak di antara Jabatan-jabatan Kerajaan ini banyak yang tidak ada kerjasama di antara satu sama lain. Bukan saya tuduh, tetapi perkara ini telah berlaku di depan mata kita. Misalnya kita buat bandingan seperti tanah yang diteroka di Johor seluas 17,000 ekar. Kelapasawit yang sudah ditanam itu sudah berbuah, getah yang sudah ditanam itu boleh ditoreh, 17,000 ekar itu termasuk tanah hutan simpan, ada separuhnya yang direzabkan untuk orang Melayu. Jadi, apa kerja Pegawai-pegawai Daerah yang duduk di situ, apa kerja S.O.-S.O. ini, apa kerja Penghulu-penghulu, apa kerja Ketua-ketua Kampung? Dia tidak tahu, itu perkara mustahil. Kalau tidak tahu, mengapa? Bukan sehari tetapi sampai 15 tahun, hamba Allah itu meneroka 17,000 ekar tanah, lebih-lebih lagi Jabatan Hutan, orang mencuri sebatang kayu di hutan dia tahu, orang itu kalau tidak bayar wallahua'lam, saya tidak berani kata apa, orang itu akan diheret ke mahkamah. Tetapi tidak ada apa-apa berlaku apabila orang itu meneroka 17,000 ekar tanah di negeri Johor, tebang hutan dan ambil balaknya pula.

Perkara ini macam perkara khayal atau cerita khayal. Apabila kita bertanya satu persatu: awak yang menjaga hutan sama ada Forest Officer biasa atau Forest Ranger dan sebagainya, awak tidak tahu kayu-kayu itu dikeluarkan daripada situ? Tentu dia kata tahu dan kayu-kayu yang dibawa keluar itu dengan ada permitkah atau tidak ada permit? Dia hendak jawab macammana? Tentu dia kata dengan permit dan kalau tidak ada permit macammana? Bolehkah Kerajaan keluaran permit atau Jabatan Hutan keluaran permit kerana hendak dikeluarkan balak daripada hutan simpan, daripada hutan reserve atau daripada tanah Kerajaan. Tentu tidak boleh, nanti dia kata tidak ada permit. Kalau tidak ada permit, barang-barang yang dijual itu dibahagi di antara satu sama lain. Ini saya kata

tidak ada kerjasama, masing-masing tutup mata sahaja - orang ini tutup mata, orang ini tutup mata, sehinggalah perkara ini menjadi besar. Apabila perkara sudah menjadi besar barulah masing-masing lemparkan tuduhan kepada orang ini. Forest Officer lemparkan tuduhan kepada Pejabat Tanah, Pejabat Tanah lemparkan kepada orang ini pula, begitulah sehingga sampai sekarang. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pening kepala nampaknya sekarang bagaimana hendak menyelesaikan perkara ini. Dia tidak tahu hendak menyelesaikannya. Begitu juga di negeri-negeri yang lain di Pahang misalnya. Saya tidak faham mengenai kerjasama atau koordinasi di antara Jabatan-jabatan itu. Begitu juga di Johor, saya baca suratkhobar, saya tidak tahu sama ada betul atau tidak, wallahua'lam. Kalau tidak betul cakap saya ini, tidak betullah suratkhobar; kalau tidak betul berita dalam suratkhobar, tidak betullah saya.

Di negeri Johor juga mempunyai lebih 300 buah kilang-kilang haram. Lesen kilang-kilang itu dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, tetapi kilang-kilang itu didirikan di atas tanah haram iaitu sama ada di atas tanah Kerajaan ataupun tanah yang tidak dihaskan untuk tapak kilang atau perindustrian. Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman bin Saad, dalam bulan Mei lalu telah mengumumkan tentang kilang-kilang haram itu untuk diselesaikan segera. Kalau sebuah dua itu tidak menjadi apa, tetapi 300 buah boleh bercambah di negeri Johor. Apakala bercambah 300 buah kilang-kilang haram di negeri Johor, berapa pula di negeri Perak, berapa pula di negeri Selangor? Saya tidak tahu, dan ini di negeri Johor sahaja. Jadi, bolehkah pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengeluarkan permit-permit kerana mendirikan kilang dengan tidak ada usul-asal, hendak didirikan di atas tanah siapa, siapa tuannya, tidak ada - permit dikeluarkan begitu sahaja. Saya tidak tahu. Ada satu pepatah Melayu mengatakan: Kalau tidak dengan satu-satu sebab, takkanlah tempua bersarang rendah. Dengan ada sebablah maka burung tempua bersarang rendah. Saya pun tidak tahu, apa sebabnya pihak Kementerian keluarkan permit kepada 300 buah kilang ini, kerana apakala terima permit untuk

mendirikan kilang, hamba Allah ini pun dengan tidak berunding pergi mendirikan di atas tanah-tanah Kerajaan, mendirikan di atas tanah-tanah yang tidak ada kelulusan tapaknya. Kalau macam ini caranya sampai hari kiamat pun negeri kita tidak akan menjadi senonoh dan pentadbirannya akan menjadi kucar-kacir semuanya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Dalam masalah haji ramai orang menuduh pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji, dan saya angkat tabiklah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mengetahui hal haji iaitu Dato Haji Mohamed bin Nasir. Saya terpaksa kena bercakap juga, sama ada perkara yang saya cakap ini betul atau tidak betul, terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri pula menjawabnya. Ramai orang yang tidak puas hati dengan layanannya, tetapi sebagaimana saudara saya tadi telah menyentuh berkenaan Tabung Haji, saya puji dengan sebab pihak Tabung Haji banyak berkorban menolong orang-orang yang hendak menunaikan fardhu haji. Tetapi sungguhpun begitu banyak perkara lagi, yang perlu dibaiki maklumlah menjaga jemaah haji ini mesti mengikut sebagaimana kata pepatah Melayu: Sudah terang lagikan bersuluh. Perkara yang sudah ada dibuat itu patut dibuat banyak lagi. Saya ambil satu contoh misalnya seorang wanita bernama Hajjah Rahmah dari Kuala Lumpur, apakala dia balik daripada menunaikan haji dia terus pergi ke *Utusan Melayu*. Kalau orang pergi ke pejabat *Utusan Melayu*, ini menunjukkan ia bersungguh-sungguh. Dia menceritakan, di Mekah dia tidak ada wang hanya tinggal 50 rial sahaja, bukan \$50. 50 rial itu lebih kurang dalam \$40 nilai wang kita di sini. Di sana dia pergi ke Tabung haji hendak mengeluarkan wangnya yang masih ada \$8,000. Jawab orang di Tabung Haji, duit tidak ada. Dia minta hendak berjumpa dengan ketua yang berkenaan, tidak dibenarkan, maka dia pun pulang ke Jeddah dengan wang 50 rial. Apakala sampai di Jeddah wang itu, sudah habis dibuat tambang dan sebagainya, tinggal berapa rial sahaja lagi? Mujurlah ada orang-orang yang menolong dia. Macam itulah orang-orang yang kena.

Jadi, apakala saya membaca cerita Hajjah Rahmah ini saya teringat boleh jadi ceritanya betul. Pihak Tabung Haji kata hendak siasat, tetapi dalam suratkhbar nampaknya tidak ada apa-apa berita mengenai cerita Hajjah Rahmah ini.

Ramai orang-orang yang pergi menunaikan fardhu haji menyimpan wang di dalam Tabung Haji. Ada setengahnya kehabisan wang kerana dibuat belanja, apakala sampai di Mekah dia kesusahan. Dia hendak ambil apa lagi? Namanya betul ada dalam rekod Tabung Haji tetapi apabila ditanya duit tidak ada lagi, sudah habis. Dia tidak cukup wang. Jadi, kenapa pihak Tabung Haji tidak mencari satu jalan supaya boleh menolong hamba Allah ini? Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) mempunyai wang yang banyak. Dalam rancangannya dia membuka 12,000 ekar tanah kelapasawit di Johor, dia akan membelanjakan beberapa million ringgit kerana hendak membuat rumah sewa di Kota Bahru, dia akan menjadi Lembaga yang kaya-raya. Kalau sekiranya Lembaga yang kaya-raya takkan dia tidak ada duit di Mekah, dia ada duit. Cuma hendak diberi pinjam sahaja. Apakala diberi pinjam, saya pun tidak bersetuju beri pinjam sahaja kerana baru-baru ini pihak Lembaga Urusan dan Tabung haji telah mengeluarkan list, ramai orang yang tidak membayar duit yang dipinjamkan kepadanya. Satu daripadanya dihantar ke negeri Trengganu yang saya adalah salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Pejabat Ugama, dia minta Pejabat Ugama supaya membayar kepada Bahagian Hutang, berapa ribu tidak tahulah.

Jadi, di sini saya fikir patutlah dibuatkan sistem pajak gadai. Orang-orang yang pergi ke Mekah itu sedikit sebanyak tentu ada barang kemas belaka - ada cincin, ada gelang, ada subang dan sebagainya. Orang-orang yang macam ini kalau dia hendak pinjam duit, ambil barang-barang kemas dia, keluarkan resit sebagaimana pajak gadai buat, beri pada dia tidak lehih daripada \$100 atau tidak lebih daripada \$200, letakkan begitu. Kemudian barang-barang kemas ini, kalau dia orang Kelantan serahkan kepada Tabung Haji Kelantan; kalau orang Trengganu serahkan kepada Tabung Haji Trengganu. Sistem pajak gadai dijalankan kepada orang-orang haji

untuk menolong orang-orang haji yang susah di Tanah Suci. Apa fasal tidak boleh dibuat?

Jadi saya syorkan janganlah jemaah-jemaah haji kita menderita di sana.

Yang keduanya berkenaan dengan tambang haji. Tambang kapalterbang ini saya berasa susah hati, Tuan Yang di-Pertua. Tambang haji pada tahun hadapan sudah naik \$500 lagi; daripada \$4,500 sudah jadi \$5,000. Orang-orang tidak boleh pergi ke Mekah melainkan serahkan \$5,000 kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji barulah dibenarkan ke Mekah kerana tambang mahal akan datang. Jadi macammna tambang mahal ini, saya tidak faham. Dengan sebab kita sendiri tahu orang yang pergi ke Mekah itu ialah dengan kapalterbang; kapalterbang menggunakan minyak sedangkan negara-negara OPEC tahun ini dua kali bersidang menurunkan harga minyak. Dahulu daripada AS\$39, diturunkan kepada AS\$34 sahaja, asasnya (basic) diturunkan dan baru dalam bulan ini turun pula lagi. OPEC yang bersidang di Abu Dubai menurunkan pula lagi kepada AS\$70 yang bersamaan M\$1.54 sen. Jadi kita belum apa-apa lagi, bulan Disember tahun inipun belum berakhir, sudah naik \$500. Sabarlah dahulu, barangkali OPEC akan turunkan sekali lagi daripada AS\$39 kepada AS\$34; daripada AS\$34 turun kepada AS\$30-itu boleh jadi. Kemudian di antara ahli-ahli Tabung Haji dan ahli-ahli Syarikat Penerbangan MAS bercanggah di antara satu sama lain. Ada yang mengatakan tambang haji tidak akan dinaikkan dan macam-macam lagi.

Satu daripadanya saya baca, dari suratkhbar *Utusan Melayu* pada 26hb Oktober, 1981:

“Setiausaha MAS, Haji Abdul Aziz Abdul Rahman, menegaskan Sistem Penerbangan MAS tidak akan menaikkan tambang penerbangan haji tahun hadapan dan tambang yang ada sekarang akan dikekalkan bagi beberapa tahun yang akan datang. Langkah MAS menaikkan tambang penerbangan antarabangsa dan permintaannya menaikkan tambang dalam negeri baru-baru ini tidak melibatkan tambang penerbangan musim haji.”

Dia sudah menerangkan walaupun sudah naik tambang penerbangan antarabangsa dan sebagainya tetapi ini tidak melibatkan penerbangan haji ke Mekah.

“Beliau yang juga Penasihat Undang-undang MAS, ketika ditemui sekembalinya daripada menunaikan fardhu haji baru-baru menegaskan, kenaikan tambang penerbangan MAS dalam dan di luar negeri tidak ada kaitan langsung untuk menaikkan tambang haji tahun hadapan”.

Jadi inilah yang menyebabkan orang ramai jadi pening kepala. Di antara orang-orang ini ada bersimpang-siur, ada percanggahan di antara satu sama lain. Yang ini mengatakan kalau tidak naik akan merugikan dan Tabung Haji tidak boleh tahan, dan orang ini pula mengatakan tidak apa, tambang lain boleh naik, melainkan tambang haji yang tidak boleh naik. Tiba-tiba naik \$500; Jadi macam mana caranya. Saya haraplah pihak Menteri kita ini tolong beri penjelasan dalam perkara ini supaya perkara-perkara yang seumpama ini tidak berlaku lagi.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, masa ini Lembaga Urusan dan Tabung Haji banyak buat kebun iaitu 12,000 ekar di Johor memakan belanja \$40 juta; kemudian akan membina sebuah bangunan rumah kedai 2 tingkat 12 pintu di Machang menelan belanja \$12 juta; bangunan 4 tingkat di Pasir Puteh \$800,000; mendirikan sebuah bangunan 12 tingkat di Kota Bharu berjumlah \$12,000 dan begitulah caranya. Jadi kita sekarang ini sebagaimana yang saya sebut dan kita juga bahaskan di dalam Dewan yang mulia ini, kekurangan rumah sama ada rumah kos rendah ataupun kos sederhana - tidak cukup. Ramai orang kita menjadi ahli Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH); apalah salahnya kalau Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini menganjurkan supaya dia membuat rumah-rumah kos rendah ini kepada ahli-ahli, ambillah untung daripada membuat kebun kelapasawit 12,000 ekar di Johor ataupun membuat rumah sewa yang menguntungkan satu pihak. Ini menguntungkan ahli-ahli, bukankah itu lebih baik?

Jadi saya mengesyorkan pada masa yang akan datang lebih baiklah pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini memberhentikan

sahaja rancangan-rancangan itu; bukan saya kata tidak ada berfaedah tetapi faedahnya kecil. Buatlah rancangan perumahan kepada ahli-ahli yang boleh memberi faedah yang besar sama ada kepada ahli-ahlinya dan juga kepada negara Malaysia khususnya.

Satu lagi berkenaan dengan cukai pendapatan. Alhamdulillah, syukur kepada Kerajaan kita sekarang ini kerana Kerajaan kita sudah melepaskan cukai zakat. Kalau orang-orang itu kena membayar cukai pendapatan (income tax) \$20,000; dia kena bayar kepada Kerajaan Cukai pendapatan \$20,000 tetapi kalau dia membayar \$5,000 zakat kepada Jabatan Ugama \$5,000 ini boleh ditolak daripada \$20,000; dia hanya berhak membayar \$15,000 sahaja cukai pendapatan kepada Jabatan Cukai Pendapatan. Orang yang hendak pergi haji adalah juga satu daripada rukun ugama, Rukun Islam lima perkara iaitu selain daripada mengucap dua kalimah syahadat, sembahyang, puasa, zakat dan mengerjakan haji. Jadi kalau sekiranya zakat boleh dilepaskan daripada cukai pendapatan, saya juga bercadang dan berpendapat iaitu orang yang mengerjakan haji - \$5,000 dikecualikan daripada cukai pendapatan, kerana inipun satu daripada fardhunya dan saya fikir ramai lagi orang yang hendak pergi haji dengan sebab daripada dia membayar income tax yang \$20,000 tadi; dia bayar \$5,000 untuk zakat dan \$5,000 kerana haji; dia hanyalah membayar kepada income tax sebanyak \$10,000 sahaja. Ini cadangan-cadangan yang saya kemukakan, sama ada hendak diterima atau tidak - wallahua'lam terpulanglah kepada Kerajaan.

Berkenaan dengan pinjaman perumahan, saya benar-benar tertarik hati kepada apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Jalal Abu Bakar, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya tidak dengar apa penerangan sebagaimana yang diterangkan itu melainkan pada masa dia menjadi Timbalan Menteri Perumahan sahaja. Adakah sebelum daripada dia, sama ada Menteri Perumahan sendiri atau Timbalan-timbalannya tidak pernah menyatakan perkara yang dinyatakan ini. Jadi, Dato' Haji Abdul Jalal di dalam pertemuan di rumah orang-orang kenamaan di Batu Pahat, bukan sekali; banyak kali. Dia

kata skim pinjaman rumah rakyat dinaikkan daripada \$7,500 kepada \$10,000 dan Kementeriannya telahpun menghubungi Perbendaharaan Negara untuk menimbangkan peruntukan tambahan itu menjadi \$10 juta.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga skim tersebut telah meluluskan pinjaman kepada 10,000 pemohon bernilai \$8 juta sahaja. Syarat-syaratnya, satu, warganegara Malaysia berpendapatan tidak lebih daripada \$350, tidak bekerja dengan Kerajaan tetapi bekerja sendiri seperti peniaga kecil, penjaja, kaum tani, nelayan, buruh kasar swasta dan sebagainya, dan kedua, mempunyai kawasan tanah sebagai tapak rumah yang akan dicagarkan kepada skim pinjaman itu.

Skim ini juga boleh membuat pinjaman kerana memperbaiki atau mengubahsuai rumah yang sedia ada. Rakyat tahu kebanyakan mereka ialah kakitangan Kerajaan sahaja dan kakitangan Kerajaan boleh meminjam kerana membuat rumah, tetapi bukan orang ramai. Tetapi Dato Abdul Jalal mengatakan semua orang boleh. Rakyat jelata yang pendapatannya tidak lebih daripada \$350 sama ada dia kaum nelayan, sama ada dia kaum tani, sama ada dia buruh kasar kepada swasta dan sebagainya boleh dia membuat pinjaman. Tetapi perkara ini tidak dihebah, tidak dibuat kempen oleh pihak-pihak berkenaan. Sebab itu dia kata, "Saya percaya perkara ini tidak diketahui oleh 99.9% rakyat jelata." Saya sokong kenyataan ini.

Saya tidak tahu apa sebabnya jadi begini. Adakah ini satu perkara penghianatan telah berlaku ataupun ianya dengan sebab leleh ataupun orang Trengganu kata 'mahngan' ataupun tidak bertanggungjawab yang penuh, saya tidak tahu. Perkara ini adalah perkara yang penting. Bagaimana juga orang di bandar, bagaimana juga kakitangan Kerajaan ingin berumahtangga, rakyat jelata di kampung ingin berumahtangga. Tetapi oleh kerana peluang yang ada diberi kepadanya, kalau dia tanya, peluang itu ditutup rapat-rapat dan itulah yang menyebabkan dia merempat, dia tinggalkan kampung dan sebagainya.

Kalau peluang ini diberitahu kepada mereka maka mereka akan memohon pinjaman-pinjaman seumpama ini dan mereka akan mendapat rumah-rumah yang bagus atau rumah-rumah yang ada itupun boleh dibaiki. Sekarang ini kita dapati Kerajaan kita membuat satu skim baru iaitu tanda hendak menolong penduduk-penduduk luar bandar dengan memberi bantuan perumahan sebanyak \$1,000. Dengan cara ini dapatlah orang-orang kampung yang miskin itu membaiki rumah-rumah mereka. Sunguhpun begitu kita dapati banyak rumah-rumah yang belanjanya lebih daripada \$1,000 tetapi tiada siapa hendak menolong, kerana kita baca saban hari tok janda itu lari dari rumah kerana takut, runtuh, menumpang di rumah orang lain. Orang ini meninggalkan rumahnya, saya pun hairanlah berkaitan dengan pinjaman macam ini. Kita nampak daripada laporan-laporan Parlimen yang ada diberi kepada kita ini, teruk saya hendak pikul ini, banyak. Semua laporan-laporan baik-baik belaka kita baca laporan di dalam, tetapi apabila kita baca dalam suratkhbar bercanggah sama sekali.

Seumpamanya Lembaga Kemajuan Kampung, orang inilah yang patut bertanggungjawab, Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan Keselamatan dia patut mengurus kampung dia. Tetapi kalau kita tanya dia kata kuasa tidak diberi oleh Pegawai Daerah kepada dia, dia akan buat lebih kurang sahaja jadi menyebabkan orang-orang ini bekerja tidak ligat bekerja tidak kuat, maka berlakulah dalam kampung dia walaupun rumah janda yang miskin ini hendak sujud bumi, dia boleh beri sekadar \$1,000. \$1,000 dengan keadaan kita sekarang ini hendak buat apa kalau rumah itu rosak betul. \$1,000 ini ialah untuk membaiki rumah yang tidak begitu rosak, rumah yang sebatang tiang, dua batang tiang yang condong itu dia beli tiang baru, ataupun atapnya sahaja. Kalau rumah yang langsung tidak boleh digunakan ini bukan \$1,000; \$5,000 pun tidak cukup kerana lebih daripada \$5,000 dia kata ini keluar daripada tanggungjawab kita, kita tiada daya upaya. Amboi, keluar daripada tanggungjawab macammana? Awak boleh tulis kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat menceritakan kepada dia bahawa orang ini berhak. Kalau Menteri Kebajikan

Masyarakat kita tidak boleh, tulis kepada Perdana Menteri. Ini tugas kita, tetapi begitulah gayanya. Orang-orang ini lari dari tugas-tugasnya. Orang ini lari ke sini, orang ini lari ke sana, akhirnya menyebabkan adik, kakak kita di pendalaman menerima nasib yang seumpama itu.

Saya fikir dengan cara yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini apa yang dicakapkan ini patut dijadikan siaran dan disiarkan di merata-rata kampung ini, iaitu orang-orang kampung boleh meminjam sampai \$10,000 kerana membuat rumah sekarang ini. Cuma satu sahaja yang saya rasa dalam masalah ini iaitu dia mahu orang-orang yang meminjam itu mahu ada tanah sendiri. Masalah tanah ini satu masalah yang besar lebih-lebih lagi pada masa sekarang. Di kampung-kampung ada mempunyai tanah tetapi hendak dicaing-caing, hendak dibahagi-bahagikan sekeping tanah misalnya seorang kampung katakanlah Pak Mat dia ada mempunyai 5 ekar tanah, dia ada mempunyai 10 orang anak, dia mahu memberi $\frac{1}{2}$ ekar seorang. Cara hendak proses, kalau diminta Pejabat Tanah sekarang ini Pejabat Tanah tidak sanggup. Dia kata dia tiada kecukupn S.O. yang membuatnya. Hendak buat boleh, minta boleh tetapi permohonan awak ini akan terpendam begitu sahaja. Kalau Pak Mat hendak kena cari S.O. prebet, bayar beribu-ribu ringgit pula. Inilah yang menyebabkan orang kampung macam ini.

Saya memuji sungguh langkah Menteri Besar Kelantan. Menteri Besar Kelantan, Dato Haji Mohamad Yaacob pada 31hb Oktober ini telah memberi amaran, iaitu menegaskan peraturan biasa di dalam proses pemecahan lot tanah tidak menguntungkan pemohon dan Kerajaan. Dia berkata peraturan biasa di mana fail-fail permohonan di dalam menghendaki proses dihantar dari satu bahagian ke satu bahagian yang lain dengan mengambil masa begitu lama untuk mengubah syarat rumah tidak popular lagi sekarang. Katanya cara itu tidak sesuai malah boleh dianggap oleh orang ramai dengan berbagai-bagai tafsiran yang tidak menyenangkan Kerajaan yang diamanahkan oleh rakyat. Beliau mahu keadaan itu diatasi kerana permohonan mengubah syarat tanah memberi faedah kepada Kerajaan dalam

mencapai objektif pembangunan. Rakyat pula yang menunggu pembangunan itu diselesaikan terpaksa menanggung berbagai-bagai beban akibat kerja yang tidak selaras. Begitu juga dengan proses yang dijalankan oleh setengah bank. Dato Mohamad menarik perhatian supaya tiap-tiap Ketua Pentadbir mempunyai Buku Rekod. Setiap pergerakan fail permohonan di atas meja sepanjang masa supaya dapat dikesan sebab-sebab berlaku kelambatan setiap permohonan. Katanya kalau berlaku kelambatan Ketua Pentadbir perlulah bertindak atau memanggil pegawai-pegawai berkenaan bertanyakan sebab-sebab kelambatan itu.

Saya harap pegawai-pegawai dapat menambahkan kecekapan mereka di bidang ini supaya proses pembangunan di Kelantan dipercepatkan lagi dan hendaklah diselesaikan dalam masa seminggu. Di Kelantan kita lihat Menteri Besar sudah memberi amaran proses pemecahan lot tanah, menukar syarat tanah daripada tanah kampung kepada tanah perumahan, daripada tanah padi kepada tanah kampung, hendaklah jangan lebih daripada seminggu. Ini amaran Menteri Besar Kelantan. Saya tidak nampak lagi Menteri Besar-Menteri Besar negeri lain memberi amaran.

Saya harap apa yang dibuat oleh Kelantan ini di zaman pembangunan ini akan diikuti, akan ditiru oleh negeri-negeri yang lain dan saya harap pihak Kementerian Tanah boleh mengambil rekod dan menyiarkan perkara ini kepada negeri-negeri yang lain. janganlah orang-orang kampung itu menjadi korban. Kalau sekiranya mereka itu hendak meminjam \$10,000 kemudian tanah tidak boleh dipecahkan lotnya tiada ertinya juga. Yang semolek-moleknya duit \$10,000 tiada banyak, apabila seorang orang kampung meminjam \$10,000 kerana membuat rumah maka bolehlah kalau ada sesiapa hendak memberi pinjaman tanah kerana rumah itu ada perjanjian, benarkan dia, rumah itu menjadi cagaran kepada Kerajaan. Sekadar itu sahaja, tidak payah dipecah-pecah lot lagi dengan \$10,000 itu memadailah dicagarkan tanah itu sahaja kepada pihak Kementerian ataupun pihak bank dan sebagainya. Kalau dia tidak bayar, lelongkan sahaja rumah itu. Itu yang molek. Tidak payahlah dipecah-pecah dengan

keadaan sekarang ini hingga mengambil masa berpuluh-puluh tahun yang menimbulkan korupsi dan sebagainya.

Saya beralih pula kepada Bahasa Kebangsaan, Tuan Yang di-Pertua. Itu yang saya kata, saya harap apa yang saya cakapkan ini mudah-mudahan memberi faedah. Saya ada banyak perkara yang hendak dicakapkan jika Tuan Yang di-Pertua benarkan saya. Kita sudah merdeka, Tuan Yang di-Pertua, daripada tahun 1957 hingga sekarang 24 tahun dan dalam masa 10 tahun yang pertama iaitu daripada tahun 1957 sampai tahun 1967 dijadikan masa peralihan iaitu di seluruh negara kita dibenarkan menggunakan bahasa Inggeris di samping Bahasa Melayu. Itu zaman peralihan, tidak apalah, semua orang mengaku. Tetapi selepas daripada 10 tahun, Parlimen membuat undang-undang dalam mana dinyatakan lepas tahun 1967 Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia sahaja digunakan di dalam pentadbiran negara kecuali mahkamah-mahkamah. Jadi mahkamah-mahkamah dikecualikan, kalau sekiranya hendak dikecualikan, Tuan Yang di-Pertua, patut dihadkan masanya. Kalau dalam masa 10 tahun semua jabatan-jabatan diberi arahan supaya menggunakan Bahasa Kebangsaan dan apakala sampai 10 tahun sudah digunakan Bahasa Kebangsaan hendak dilanjutkan pada mahkamah, berilah lima tahun lagi ataupun habis lama 10 tahun. Ini tidak dihadkan. Daripada tarikh itu, 1967 sampai sekarang ini sudah 14 tahun mahkamah masih lagi menggunakan bahasa Inggeris. Kalau kita tanya sebab-sebabnya mengapa, ialah dengan sebab teknikal. Teknikal apa? Teknikal bahasa yang hendak digunakan payah, tidak difahami. Inilah perkara-perkara yang ajaib yang berlaku di negara kita. Tetapi perkara-perkara ini tidak berlaku di negara lain, macam di Indonesia, jiran kita; yang juga menggunakan Bahasa Kebangsaan walaupun dinamakan bahasa Indonesia tetapi pada hakikatnya Bahasa Kebangsaan. Daripada tarikh dia mencapai kemerdekaan pada 17hb Ogos, 1945 dia sudah menggunakan bahasa Indonesia di seluruh negara, sama ada di kementerian, pelajaran, pentadbiran, di mahkamah dan sebagainya.

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Malaysia ini atau Bahasa Kebangsaan kita sudah menjadi bahasa ilmu bukan sahaja

diiktiraf di dalam negeri kita tetapi telah diiktiraf di negara-negara lain yang merdeka. Menteri Penerangan kita, Y.B. Dato' Mohamed bin Rahmat tatkala berucap merasmikan bengkel Bahasa Malaysia di dalam Media Am di Kuala Lumpur pada 20hb Oktober, 1981 menegaskan: "Kemungkinan Bahasa Malaysia menjadi bahasa antarabangsa." Ini pada pendapat Dato' Mohamed bin Rahmat, Bahasa Malaysia akan menjadi bahasa antarabangsa memandangkan ianya telah menjadi bahasa serantau di Asia Tenggara. Menurut beliau: "beberapa buah universiti di dunia seperti di London, Belanda, Canberra—Australia, Amerika, Moscow dan Korea Selatan telahpun menubuhkan Jabatan Pengajian Bahasa Malaysia di universiti-universiti yang tersebut."

Jadi jikalau dikatakan Bahasa Malaysia ini bahasa yang tidak sempurna, bahasa yang tidak ada teknikal, bahasa yang tidak boleh digunakan, masakan universiti-universiti itu hendak menggunakan Bahasa Malaysia. Ini menunjukkan Bahasa Malaysia ini telah menjadi bahasa ilmu pengetahuan.

Manakala Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir, ketika merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia (Persis) pada 26hb September, 1981 telah melahirkan keyakinannya terhadap kemampuan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pertuturan dan penggunaan seharian di dalam berbagai-bagai bidang. Katanya: "pernah beberapa pihak menyoal kemampuan penggunaan Bahasa Malaysia di peringkat universiti tempatan bila mula-mula dicadangkan dulu. Tetapi kini ia tidak dapat diragukan lagi memandangkan Bahasa Malaysia telah dapat digunakan di peringkat pengajian perubatan di universiti". Kemudian, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato' Haji Hassan Ahmad, pula menyatakan: "Pada masa ini ada terdapat penulis dan penterjemah yang bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka di antara 200 hingga 300 orang ahli akademik tempatan daripada berbagai-bagai bahasa. Mereka itu istimewa bukan sahaja dapat mengajar ilmu sains dan teknologi di dalam Bahasa Malaysia di universiti bahkan berpotensi menulis

mengenai ilmu itu ataupun menterjemahkannya ke dalam Bahasa Malaysia, dan kini para akademik berkenaan sedang menyiapkan 100 buah buku pengajian tinggi dalam Bahasa Malaysia termasuk di dalam bidang perubatan.”

Jadi, itulah, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya daripada Menteri-menteri kita sampai kepada Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka mengatakan Bahasa Malaysia adalah bahasa yang pada masa ini sudah sama taraf dengan bahasa-bahasa yang lain, jadi saya tidak nampak masih lagi mahkamah-mahkamah kita menggunakan bahasa Inggeris dengan alasan-alasan bahasa ini belum lagi sampai masanya digunakan. Dan diserunya terpulang kepada mahkamah-mahkamah itu mana yang ada berdaya upaya bolehlah berbicara di dalam bahasa Malaysia. Maka baru-baru ini dua buah Mahkamah Tinggi, bukan Mahkamah Rendah, Mahkamah Rendah memang sudah biasa, Tuan Yang di-Pertua, begitu juga Mahkamah Tengah pun sudah biasa bicara dalam Bahasa Malaysia, satunya, di Kuantan dan satu lagi di Pulau Pinang bicara dalam bahasa Malaysia. Tidak ada apa-apa, kes bunuh pula itu. Semua sekali yang mengambil bahagian di dalam perbicaraan itu selain daripada Pendakwa Raya semuanya orang yang bukan Melayu belaka. Seumpamanya, di Mahkamah Tinggi Kuantan pada 13hb Oktober, 1981. Hakimnya—Tuan V. C. George, Pesalahnya—Md. Rahim bin Ismail. Pendakwa Rayanya—Ahmad Zaki bin Haji Hassan. Peguambelanya—Encik A. Ramathan, Hakimnya Tuan V. C. George, berbicara dalam Bahasa Malaysia.

Kemudian kita tengok di Pulau Pinang pula. Hakimnya—Dato' Gunn Chit Tuan. Pesalahnya Chan Kok Wah. Si matinya—Chan Cheng Hui. Pendakwa Rayanya—Encik Abdul Hamid Embong, Timbalan Pendakwa Raya. Peguambelanya—E. K. Cumainderia. Ini semua orang bukan Melayu, tetapi perbicaraan berjalan molek. Saya tidak fahamlah, Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab itu pada pendapat saya sudah sampailah masanya untuk Kerajaan memerintahkan supaya ke semua perbicaraan-perbicaraan di dalam Mahkamah sama ada Mahkamah Rendah, Mahkamah Tengah dan Mahkamah Tinggi termasuk Mahkamah Persekutuan

dijalankan di dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia.

Negara kita telah merdeka 24 tahun dan pada tahun hadapan kita akan menyambut sesuku abad atau Jubli Perak Kemerdekaan Malaysia. Maka pada pandangan saya amatlah aib, bagi Malaysia menyambut kemerdekaan negaranya tetapi tidak dapat menyambut kemerdekaan bahasa kebangsaannya yang masih lagi dijajah hingga sekarang. Setakat itu habislah berkenaan dengan bahasa ini, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang saya masuk dalam perkara-perkara yang lain lagi iaitu masalah bank.

Negeri Selangor telah mempelupuri sejarah, kerana telah membuat satu kertas kerja kepada Kementerian Kewangan memohon supaya diberi kebenaran Negeri Selangor menubuhkan banknya sendiri. Selangor mahu simpan segala wang-wang Kerajaan itu di dalam banknya sendiri, tidak payahlah dia simpan di dalam Bank Rakyat, di dalam bank-bank saudagar, bank-bank perniagaan, dan daripada itu nampaknya akan mendapat kelulusan. Saya sendiri adalah amat berbangga sekali dengan langkah ini. Pada pendapat saya kalau sekiranya Menteri Kewangan dan Kerajaan kita—Kerajaan Pusat hendak membenarkan kepada Selangor membuka banknya sendiri patutlah peluang seumpama ini dibuka kepada tiap-tiap negeri, bukan Selangor sahaja. Kalau Perak mahu dirikan banknya sendiri benarkan. Kalau Kelantan mahu mendirikan bank sendiri benarkan, Trengganu hendak dirikan bank benarkan begitu. Kerajaan tiap-tiap negeri itu ada mempunyai wangnya sendiri dan bolehlah dia simpan di dalam banknya sendiri. Apa perlunya dia simpan di dalam bank-bank yang lain.

Kemudian berbangkit pula Bank Islam. Bank Islam telah lama diura-urakan. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita yang telah berhasrat menubuhkan Bank Islam di negara seperti mana yang telah ditubuhkan di negara Islam di Timur Tengah untuk menolong orang Islam. Sekarang ini, banyak di antara orang-orang Melayu khususnya yang tinggal di kampung-kampung tidak mahu menyimpan wang dalam bank kerana mereka kata kalau simpan wang dalam bank mereka tercebur

dalam masalah riba ataupun interest. Perkara ini berlawanan dengan Islam. Bahkan bukan kata orang sahaja, Tuan Yang di-Pertua, setahu saya ada Majlis-majlis Ugama Islam di Malaysia ini yang tidak mahu wangnya disimpan di dalam bank kerana melibatkan interest. Itulah sebabnya saya katakan sekiranya Bank Islam ini disegerakan proses pembukaannya alangkah bagus dan dia menolong banyak orang. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan terdiri daripada 13 orang yang diketuai oleh Raja Tan Sri Mohar selaku Penasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ditugaskan untuk mengkaji dan membuat syor kepada Kerajaan mengenai penubuhan Bank Islam. Manakala Lembaga dan Urusan Tabung Haji telah dilantik menjadi Urusetia (Secretariat) kepada Jawatankuasa Pemandu. Jadi, saya haraplah Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan itu dapat menyiapkan tugasnya seberapa segera yang dapat, mudah-mudahan Bank Islam dapat ditubuhkan di negara kita ini dalam masa segera.

Satu perkara lagi sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihebohkan dalam surat khabar baharu-baharu ini iaitulah masalah pendaftaran perniagaan. Pihak Pendaftaran Perniagaan mahu tiap-tiap yang berniaga itu mendaftar perniagaannya \$25 termasuklah peniaga-peniaga dalam pasar. Jadi, hebohlah peniaga-peniaga dalam pasar Kelantan, bukan di pasar Kelantan sahaja, saya fikir di pasar Terengganu pun begitu juga, orang-orang yang menjual goreng pisang, orang yang menjual kuih yang mencari makan, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, takkanlah orang-orang semacam ini kena bayar \$25 juga sama dengan taukeh-taukeh, saudagar-saudagar yang berkedai. Ini di mana keadilan, Tuan Yang di-Pertua! Kalaulah suruh orang membayar kenakan bayaran \$5 misalnya menasabahlah. Ini hamba Allah itu berniaga beratus ribu di dalam kedai \$25 daftar perniagaannya. Hamba Allah jual goreng pisang dalam pasar \$25.00. Perbezaannya di antara langit dengan bumi. Jadi, kepada saya perkara semacam ini patut pihak Kementerian memikirkan dengan sedalam-dalamnya dan perkara ini tidak patut dilaksanakan kepada peniaga-peniaga kecil lebih-lebih lagi pihak Kerajaan kita

menggalakkan orang Melayu mengambil bahagian dalam perniagaan. Kalau sekiranya cara ini bukannya menggalakkan tetapi ini menindas peniaga-peniaga kecil daripada berkecimpung di dalam perniagaan. Saya harap perkara ini dapat dibetulkan.

Saya bercakap soal Penjara, Tuan Yang di-Pertua. Apakala saya baca laporan Penjara sangatlah saya tertarik. Katanya Jabatan Penjara Malaysia berjaya menyelamatkan wang berjumlah kira-kira \$20 juta di dalam pembinaan projek-projek melalui penggunaan tenaga banduan dan kepakaran daripada kakitangan Jabatan Penjara sendiri. Jadi, rupa-rupanya pihak Penjara, projeknya itu tidak diberikan tender kepada orang luar, dia buat sendiri. Jadi, projek dia buat sendiri, orang Trengganu kata ada 'awet', maknanya ada untung.

Misalnya, projek pembesaran dan pembinaan bangunan baharu Penjara Taiping hanyalah menelan belanja sejumlah \$10 juta. Sekiranya projek berkenaan dikeluarkan tender mungkin ia menelan belanja sekurang-kurangnya \$30 juta. Betullah, kontraktor dia ikut market price mestilah \$30 juta tetapi oleh kerana banduan sendiri buat dengan kerjasama kakitangannya yang \$30 juta dia boleh buat \$10 juta sahaja. Perkara ini saya tidak tahulah adakah menjadi salah kepada pihak Bangsa-bangsa Bersatu atau tidak tetapi setahu saya pada masa dahulu, masa saya kecil-kecil lagi, saya ingat jalan-jalan di Negeri Trengganu itu memang dibuat oleh banduan di samping Kerja Raya. Pada masa Inggeris sudah ada dalam negeri Trengganu iaitu British Adviser ada dalam negeri Trengganu tetapi banduan-banduan pada masa itu masih lagi dirantaikan kakinya, ada yang dirantai dua belah, ada yang dirantai sebelah, ada yang tidak dirantai tetapi orang inilah yang membuat jalan. Begitu juga masa lepas perang. Apakala lepas perang Timur Raya ini—peperangan Jepun, Jepun-jepun yang menjadi tawanan perang itu mereka itu membuat jalan.

Saya masih ingat jalan dari Trengganu sampai ke Dungun ini beribu-ribu askar Jepun yang menjadi orang tahanan perang (prisoners of war) buat sepanjang-panjang jalan itu. Jadi, sekarang ini bagus apa yang dilakukan oleh Penjara ini satu daripada

contoh. Saya nampak begitu juga pihak Kementerian Pelajaran misalnya dia ada membuka Sekolah Vokasional. Sekolah Teknik apa salahnya digunakan pelajar-pelajar ini membuat rumah-rumah dan sebagainya yang mampu dengan dia, ini sebagai cubaan. Saya fikir inilah satu daripada langkah yang tidak membazir dan menjimatkan harta. Boleh bercakap lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamed: Saya cuba hendak bercakap hal negeri Trengganu ini, Tuan Yang di-Pertua, takut terlepas. Saya patutlah bercakap di dalam Budget semacam ini, saya tidak boleh lupa hal Negeri Trengganu yang saya sendiri mewakilinya.

Saya hairan dalam Negeri Trengganu negeri baru terbuka dengan sebab minyaknya sekarang ini boleh dikatakan tumpuan ke negeri Trengganu ini terlampaulah sekali daripada saudagar-saudagarnya, orang-orang perseorangan dan sebagainya, tetapi di dalam pertolongan oleh Kerajaan Pusat terlampau lembab. Saya kerap kali bercakap berkenaan dengan seumpama ini kita katakan berkenaan dengan lapangan terbang. Lapangan Terbang yang ada di Kuala Terengganu itu—Lapangan Terbang Telaga Batin panjangnya 4,500 kaki sahaja iaitulah boleh menurunkan F.27 yang boleh membawa tidak lebih daripada 40 orang penumpang. Cuba Tuan Yang di-Pertua fikir, adakah menasabah negeri minyak yang begitu sedang mendapat tumpuan, lapangan terbangnya 4,500 kaki dan cuba hendak dibesarkan maka sampai sekarang sudah berapa tahun—lima, enam tahun tidak dibesarkan lagi. memang ada cadangan hendak ditambah lagi 2,000 kaki menjadi 6,500 kaki supaya boleh turun kapal terbang B. 737 tetapi sampai sekarang diam begitu sahaja, saya pun tidak faham.

Maka kalau kita tanya pihak penerbangan MAS misalnya dia boleh jawab sekarang ini di Kuala Trengganulah yang paling sibuk sekali dengan sebab sekarang ini kapal terbang akan turun 3 kali sehari—pagi, tengahari, petang dan ada rancangan hendak buat 4 kali pula.....mulalah batuk, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bercakap ini pergi ke Pejabat Ubat tadi, dia beri pil kepada saya

suruh makan, dia kata kalau makan pil ini insya Allah tak batuklah, jadi saya mohon kerana hendak makan sebutir lagi (*Ketawa*).

Jadi cuba Tuan Yang di-Pertua fikir, 4 kali, 5 kali, 10 kali pun Fokker 27 sahaja yang boleh mendarat ini 40 orang. Inilah macam kita kata satu jenaka, satu perkara macam main-main sahaja. Kalau dibuat dengan landasan yang begitu panjang biarlah sampai boleh turun kapal terbang 747, bukan kapal terbang F27, barulah senang, kalau sekali terbang sehari pun cukup. Ini kalau 3 kali sehari, kalau 40 orang; 40 pagi, 40 tengahari, 40 petang, sudah jadi berapa, baru 120 pada hal kalau kapal terbang 747 itu berapa ratus boleh buat? Jadi itulah mainan daripada pihak Kementerian. Saya harap perkara ini tak usahlah dipermainkan-main bagi negeri Terengganu. Saya harap tahun 1982 ini buatlah supaya tidak menjadi aniaya kepada rakyat Terengganu dan kepada saudagar-saudagar yang pergi mengurus ke negeri Terengganu.

Begitu juga jalan, apa nasib negeri Terengganu ini wallahu'alam. Dibuatkan jalan, bukan lebuh raya, kalau lebuh raya ini sama yang dibuat daripada Kedah sampai ke Johor, itu lebuh raya namanya, 2 line, ini jalan raya sahaja, jalan raya baru di antara Jerangau, Bukit Besi sampai ke Kemaman tetapi walau macam manapun dia boleh potong jauh jaraknya itu barangkali dalam 20 batu lagi. Tetapi apa yang peliknya apakala dibuat jalan ini consultant Jabatan Kerjarayanya mengesyorkan supaya jalan ini dibuatkan sub-standard sahaja, iaitu batu klaserannya itu 6 inci dan yang batu kecil-kecil 3 inci, jadi 9 inci, baru ditarkan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua fikirlah satu jalan raya yang cuma 9 inci jalan inilah kelak akan dilalui oleh lori-lori balak, jalan inilah kelak akan dilalui oleh lori-lori minyak yang membawa minyak, jalan inilah yang akan dilalui oleh kenderaan yang berat-berat dibuatlah hingga berapa ratus juta ringgit. Apakala sudah siap, belum lagi pembukaan istiadat, maka telah lalu oleh lori-lori balak ini, maka pecahlah jalan itu, ada yang pecah di sana, ada yang pecah di sini, ada yang melepoh di sana, ada yang melepoh di sini, ada macam-macam cara. Jadi rakyat Trengganu pun hairanlah, apakala ditanya dia kata memang kita buat ini cara sub-standard, tidak dibuat lagi jalan full standard. Jadi kalau

dibuatnya full standard kenalah 12 inci, iaitu 9 inci klaserannya, 3 inci batu-batu pejal yang kecil itu, baru 12 inci, baru tahan, dia tidak buat bagi negeri Terengganu. Jadi saya tak tahulah otak engineer yang mengesyorkan itu. Kemudian apakala kita tanya dalam Dewan ini, ia kata lori-lori itu sudah lalu belum kita beri kebenaran lagi, itu cuma ia hendak melepaskan batuk di tangga sahaja. Kalau kita tanya dia jalan raya yang dibuat ini dalam masa satu harikah atau dalam masa berapa tahun? Takkan dia buat daripada sini sampai Kemaman itu cuma satu hari, dibuatnya habis di sini, buat di situ pula hingga sampai bertahun-tahun lebih, 2-3 tahun barulah siap jalan itu. Kemudian apakala siap, barulah lori-lori ini lalu, ia menyalahkan kepada lori-lori. Belum kita membuka dengan rasminya lori-lori sudah lalu, jadi itulah menyebabkan jalan-jalan itu sudah menjadi rosak.

Kalau tidak dalam Dewan ini saya bawa cerita-cerita yang lebih menggelikan, samalah masa saya di sekolah dahulu, cikgu saya bercerita di negeri Mesir ada seorang pencuri, dia pergi naik rumah orang Arab ini rumah batu, di tingkapnya dibubuh kayu, tak sempat kering lagi simennya itu pencuri itu pegang, jatuhlah dia, bila jatuh patah kaki. Apakala sudah patah kaki, ditangkap dia, bawa pergi kepada Raja, nama Raja itu 'Qoruqus'—Raja Turki, Raja yang zalim. Bawa bicara depan Raja, tanya dia 'fasal apa engkau hendak mencuri rumah dia? Engkau sekarang ini hendak dihukum bunuh. Pencuri itu dengar hendak hukum bunuh dia kata, Tuanku, bukan salah patek, salah tukang rumah itu. Apa fasal salah? Salahnya ialah dengan sebab belum kering lagi simen itu fasal apa ditinggalkan, patut dia jagalah dahulu hingga sudah kering, sudah molek barulah dia lepaskan. Kalau patek pergi mencuri masa itu baru salah patek. Raja kata betul, kalau begitu salah tuan rumah, tuan rumah kena bunuh (*Ketawa*).

Jadi panggil tuan rumah, hendak dibunuh. Tuan rumah pula, apakala dikhabarkan kepada dia, ini ajaib betul, orang yang mencuri, aku pula kena dibunuh, apa macam ini? Jadi tuan rumah kata, Tuanku, bukan salah patek, bukan patek buat sendiri, yang

buatnya tukang simen, jadi dia tinggalkan salah dialah patut orang itu. Betul katanya, tukang simen pun kena bunuh, cari tukang simen. Jadi tukang simen apakala dicari fasal apa hendak dibunuh oleh Raja kerana engkau tinggalkan begitu, sudah katanya. Dia pun pergi kepada Tuanku Raja, dia kata, Tuanku, bukan salah patek, yang salahnya ialah penjual panganan, pada masa buat simen pintu itu panganan pun datang—panganan, panganan! Patek lapar, patek turun pergi beli. Jadi dengan sebab lapar macam Tuanku juga, kalau lapar takkan Tuanku boleh tahan, jadi patek pun turun pergi beli panganan, itulah patek tinggalkan. Jadi yang salahnya tukang pangananlah, bukan patek. Oh! betul katanya, bunuh tukang panganan, kata Raja pula. Jadi cari tukang panganan, tak bertemulah di seluruh bandar—mana hendak bertemu. Kalau begitu Raja kata, kalau sekiranya tak bertemu carilah mana-mana tukang panganan sudahlah, ambil yang sebangsa dengan dia bunuhlah. Beginilah cerita zaman dahulu.

Maka beginilah juga cerita-cerita yang dibuat sekarang ini, beralih hanyalah bergantung di sebatang jari sahaja. Kita tanya kepada dia jalan yang engkau buat ini sub-standardkah atau full standard? Dia kata sub-standard, fasal apa engkau tak boleh syorkan kepada full standard? Dia katalah negeri Trengganu negeri kecillah, begitu begini. Engkau tak nampak pembukaan Trengganu Tengah, engkau tak nampak kapal-kapal Esso di laut yang berlabuh di tengah itu? Kalau kita tanya dia, akan datang cerita panganan tadi, yang kenanya aniaya kepada tukang jual panganan itu.

Jadi saya haraplah, Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan satu-satu projek, sama ada di negeri Trengganu, negeri Kelantan, negeri Pahang dan negeri mana engineer Jabatan Kerjaraya mestilah berdasarkan tulus ikhlas, mesti mengesyorkan sebenar-benarnya. Janganlah berlaku pisang berbuah dua kali, janganlah seperti Jambatan Temerloh itu sudah pecah buat yang lain, sebagaimana Jambatan di Jerteh, Trengganu pecah buat lain kerana engineer-engineernya mengesyorkan lebih kurang sahaja mulanya, consultantnya membuat lebih kurang sahaja. Jadi saya harap pada masa yang akan datang begitulah caranya.

Begitu juga saya nampak macam Jalan Karak-Kuala Lumpur ini. Jalan Karak ini berapa juta ringgit sudah habis daripada Kuala Lumpur hendak pergi ke Karak, Pahang. Hendak melepaskan jalan yang bengkok-bengkok ini buat jalan Karak, baguslah, rakyat memang puji itu, biar habis \$100 juta, \$200 juta, \$500 juta, \$1,000 juta pun tak apa asal senang, tetapi rakyat yang marah ini apakala setahun dua tanah runtuh, tak boleh jalan, kena ikut jalan lama, macam mana engineer? Masa dia buat itu dia tak nampak tebing-tebing ini? Apakala saya soal di sini datang jawapannya, memang kita di setengah-setengah jalan itu sudahpun kita tampal dengan simen, kita ratakan dengan rumput, katanya hendak melepaskan batuk di tangga, tetapi sepanjang-panjang Jalan Karak sejauh 25 batu itu banyak mana sahaja yang ditompok dengan simen, banyak mana sahaja yang ditutup dengan rumput, hak yang lain lagi itu macam gigi budak-budak yang makan julap—seronggeng di sana seronggeng di sini, begitulah tunggu masa. Dia kata dalam perhatian kita, dalam perhatian benar sangatlah tetapi berlaku boleh dikatakan tiap-tiap tahun runtuh. Jadi kalau macam ini saya tak bertabiklah kepada engineer yang macam ini, tetapi hak ini, itu makna dalih yang bukan-bukan. Tuan Yang di-Pertua.

Menyewa bangunan Kerajaan, ini satu problem negara. Kita sudah merdeka 24 tahun tetapi yang hairan itu jabatan-jabatan Kerajaan yang ada di Kuala Lumpur ini masih lagi menyewa bangunan-bangunan. Ini apa benda, apa hal ini? Menyewa bukan \$1,000 tetapi sampai berjuta-juta ringgit. Misalnya, saya buat satu contoh iaitu satu rancangan untuk membina sebuah bangunan bagi menempatkan kesemua 18 bahagian di bawah Kementerian Pelajaran dalam satu bangunan utama sedang dijalankan sekarang, disahkan oleh Menteri Pelajaran Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud hari ini selepas beliau merasmikan mesyuarat pertama Pengarah-pengarah Jabatan Penuntut Malaysia di Bangunan Bank Pertanian di sini. Sekarang ini Kementerian Pelajaran menyewa sebanyak 17 tingkat daripada Bangunan Bank Pertanian di sini dari Tingkat 9-25. Kerajaan terpaksa membayar \$1.40 bagi tiap-tiap satu kaki persegi Bangunan Bank Pertanian.

Cuba Tuan Yang di-Pertua, fikir, tiap-tiap satu kaki persegi \$1.40 maka disewa oleh Kementerian Pelajaran Bangunan Bank Pertanian itu dari Tingkat 9-25 (16 tingkat) berapa juta ringgit. Padahal kalau sekiranya Kementerian Pelajaran minta satu peruntukan dibuat sebagaimana jabatan-jabatan yang di Jalan Duta itu seperti jabatan-jabatan lain bukankah boleh menyelamatkan wang negara, tetapi apa yang berlaku hanya menyewa. Apakala Ahli-ahli Yang Berhormat bertanya dijawab dalam perhatian. Dalam perhatian bila? Kita hendak menyambut Jubli Perak Kemerdekaan kita tahun hadapan masih lagi banyak pejabat-pejabat yang menyewa untuk bangunan-bangunannya bukan daripada jabatan Kerajaan tetapi daripada swasta bertaburan di sana sini yang saya tahu. Ini satu perkara yang tak logik sama sekali. Patut jabatan-jabatan seumpama ini diberi amaran, saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memberi amaran selama mana dia hendak menyewa pejabat di bangunan swasta? Kalau sekiranya dikatakan selepas sambutan merdeka, berapa tahun lagi buat rancangan serahkan kepada Menteri Kewangan kita supaya Menteri Kewangan kita memberikan satu peruntukan. Adakah dia sedap duduk di situ sewa \$1.40 satu kaki persegi, goyang kaki begitu begini. Ini wang negara, wang rakyat, wang orang ramai, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap perkara seumpama ini tidak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang.

Ini satu berita yang kurang baik yang saya baca suratkhbar dari Kota Kinabalu. Pengarah Jabatan Kerjaraya Sabah, Dato' K. S. Fong memberitahu di dalam satu sidang akhbar bahawa Hospital Queen Elizabeth di bandar itu yang menelan belanja \$20 juta dan dijangka dapat digunakan pada bulan Julai lalu, tahun lepas, terpaksa ditangguhkan buat kali ketiganya dan tidak dapat digunakan dalam tempoh 2 tahun ini disebabkan pihaknya menemui beberapa keretakan yang terdapat dalam pembinaan bangunan 9 tingkat itu. Bukan sahaja di Semenanjung Malaysia, berlaku pula di Sabah. Ini Hospital 9 tingkat sepatutnya tiga tahun dahulu sudah dibuka tetapi ditangguhkan lagi, patut dibuka bulan Julai tahun lepas, ditangguhkan lagi kerana bangunan itu retak-retak, mereka

hendak baiki cara mana, saya tak tahulah. Kalau hospital itu kelak runtuh pada masa pesakit-pesakit ada di dalamnya, maka saya percaya Kerajaan Sabah akan bankrap, kerana baru-baru ini kita baca dalam akhbar di negeri Brunei yang menjadi jiran kepada Sabah apakala seorang Italy dilanggar oleh motosikal maka dia tuntutan ganti rugi \$1 juta lebih. Maka kalau sekiranya hospital yang sudah retak-retak itu tak jadi dibuka dan hendak dibaiki lagi, akhirnya dibuka juga dan ditempatkan pesakit-pesakit, hospital itu runtuh misalnya maka pesakit-pesakit itu boleh menuntut daripada Kerajaan Sabah sama ada \$1 milion satu orang, \$2 milion, \$½ milion. Maka sebab itu saya kata Sabah akan bankrap dibuat oleh engineer ataupun Jabatan Kerjaraya yang tak bertanggungjawab.

Kalau sudah tahu tempat itu tempat paya, fasal apa tak ditaruh besi dalam-dalam atau dibatu banyak-banyak supaya tidak menjadi retak. Bangunan tambahan hospital itu sepatutnya telah siap pada bulan Disember, 1979 tetapi terpaksa ditangguhkan sehingga Disember, 1980 apabila sampai tempoh tersebut terdapat keretakan yang berlaku di bangunan itu dan ditangguh lagi yang mana penangguhan itu dijangka dapat diatasi sehingga bulan Julai yang lalu. "Malangnya, pihak kami masih mendapati keretakan yang berlaku pada bangunan itu dan terpaksa ditangguhkan sehingga akhir tahun depan pula, tambahannya."

Inilah cerita-cerita negara kita, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kekecewaan yang dibuat oleh pihak yang berkuasa yang kita menaruh harapan dan percaya kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyebutkan di dalam Dewan yang mulia ini satu undang-undang iaitu The Registration of Adoption Ordinance, Bilangan 54 Tahun 1952 iaitu berkenaan pendaftaran anak-anak angkat yang dibuat dalam tahun 1952 semasa negara kita belum merdeka. Undang-undang ini berkuatkuasa ke atas orang-orang bukan Islam dan orang-orang Islam sendiri dicampur, dalam masa General Templer menjadi British High Commissioner di dalam negara kita Undang-undang ini dikeluarkan,

Undang-undang ini berkuatkuasa kepada orang Islam dan juga orang bukan Islam.

Menurut Undang-undang ini seseorang yang mengambil anak orang lain di bawah umur 18 tahun menjadi anak angkatnya bolehlah dimusnahkan surat beranaknyanya yang asal dan diganti dengan baru dan menjadikan kanak-kanak itu anak angkatnya dan boleh berbin kepadanya. Perkara ini terang-terang, menyalahi hukum Islam dan pihak Jabatan Pendaftaran akan mengeluarkan Kad Pengenalan pula kepadanya dengan mengeneipkan langsung bapanya yang sebenar. Ini undang-undang yang berjalan daripada tahun 1952 sampai sekarang. Jadi mana-mana orang hendak mengambil anak angkat maka dengan persetujuan ibubapanya ataupun dengan persetujuan penjaganya bolehlah pergi ke Jabatan Pendaftaran dan registerkan nama anak itu kepada nama dia, buangkin bin yang asal taruh bin dia. Misalnya, saya nama Mahmoud, saya hendak mendapatkan seorang anak angkat, saya pergilah kepada Yusof yang mempunyai anak bernama Ibrahim, saya ambillah Ibrahim itu kerana umurnya belum sampai 18 tahun maka Pejabat Pendaftaran akan potong nama Ibrahim bin Yusof, dan dia akan tulis Ibrahim bin Mahmoud.

Perkara yang semacam ini, berlawanan betul-betul dengan hukum ugama Islam. Kalau Ibrahim itu berbinkan saya sudah tetaplah apakala saya mati dia akan dapat pesaka saya kerana dia jadi anak saya. Kalau saya ada anak perempuan pula, adik kepada Ibrahim itu, Ibrahim boleh jadi wali kerana dia dikatakan abang kepada anak perempuan saya. Kalau Ibrahim menjadi wali kepada anak perempuan saya sudah tetap tidak sah nikahnya dan anak perempuan saya akan hidup selama-lamanya hidup berzina dengan suami dia. Dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca di dalam surat khabar Kadi Besar Johor minta jangan tukar "bin" kerana dia kata ini adalah terang-terang menyalahi. Kadi Besar Johor telah membawakan ayat Quran yang mengatakan barang siapa berbinkan selain daripada bin bapanya itu adalah dosa besar, kerana di dalam Suratul Adzha ayat empat dan lima yang bermaksud Allah Taala tidak menjadikan anak-anak angkat kamu itu anak bagi kamu.

Kemudian disebutnya hadis pula, barang siapa mengaku bapa yang bukan bapanya pada hal ianya tahu orang itu bukan bapanya maka terkempunanlah ia daripada syurga, orang itu tidak akan masuk syurga, satu hadis lagi dibawa oleh Kadi Besar Johor, mengatakan: Jangan kamu tidak mengaku akan bapa kamu yang sebenar, maka barang siapa bencikan bapanya, menukarkan bin bapanya sesungguhnya kufur ia. Jadi dengan keterangan ini undang-undang itu tidak boleh diimplikasikan kepada orang Islam.

Di dalam undang-undang Islam seumpamanya Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak negeri Trengganu mengatakan melarangkan orang-orang Islam memberikan anaknya kepada orang lain menjadi anak angkat, lebih-lebih lagi kepada orang yang bukan Islam, itu salah boleh dipenjara dan sebagainya. Tetapi sebagaimana yang kita tahu undang-undang negeri apakala bercanggah dengan undang-undang Persekutuan yang dibuat oleh Parlimen, maka undang-undang Parlimen itulah yang dipakai, setakat bercanggah undang-undang negeri tidak boleh dipakai, ini saya pun tidak tahu perkara yang semacam itu. Walaupun di dalam hal ugama di dalam Perlembagaan kita terang di dalam Perlembagaan Persekutuan Jadual 9 dibahagikan yang mana kuasa Federal dan yang mana kuasa Negeri. Dalam perkara ugama ini perkara kuasa diletakkan di Jadual 9, begini, begini, tetapi di dalam membuat undang-undang ada Persekutuan, Parlimen telah mencabulkan hak negeri itu, maka dengan sebab itulah berlaku undang-undang seumpama anak angkat ini. Jadi saya harap perkara ini dapat diperbetulkan balik kerana perkara yang seumpama ini berlaku setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Terima kasih. (*Ketawa*).

Berkenaan dengan masalah Sembahyang Jumaat, saya baca dalam suratkhbar baru-baru ini di Pulau Pinang, Pegawai Buruh Negeri Pulau Pinang, Encik Siew Kok Leong memberitahu bahawa Pejabat Buruh tidak dapat mengambil apa-apa langkah terhadap

pihak kilang perusahaan yang tidak memberi cuti kepada para pekerjanya untuk Sembahyang Jumaat. Mengikut Ordinan Kerja tahun 1955 setiap pekerja diberi cuti rehat sehari seminggu dan cuti minggu ialah hari Ahad.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sistem Kerajaan kita pegawai-pegawai Kerajaan yang bekerja apakala sampai masa hari Jumaat mereka dibenarkan pergi menunaikan Sembahyang Jumaat, ini dibenarkan oleh Kerajaan, tetapi orang-orang yang bekerja dengan kilang-kilang iaitu swasta tidak dibenarkan, tidak boleh dipenuhi, tidakkah perkara ini bercanggah dengan undang-undang? Tiap-tiap negeri di dalam Malaysia ini ada undang-undangnya, sesiapa yang tidak pergi Sembahyang Jumaat menjadi salah dan kalau didapati dia boleh dihukum dengan penjara ataupun dengan denda. Jadi tidakkah teraniaya pekerja-pekerja Islam yang bekerja di kilang-kilang swasta ini apakala dia tidak dibenarkan Sembahyang Jumaat dia akan kena denda dan tidakkah tuan-tuan punya kilang itu akan menjadi bersubahat dalam perkara ini, kenapa pihak Menteri Buruh tidak beri faham kepada dia? Menteri Buruh mesti diberi faham kepada pihak kilang-kilang ini kerana ini adalah menjadi tugasnya memberi faham iaitu dia kena dilepaskan dalam masa satu jam kepada orang-orang ini untuk pergi Sembahyang Jumaat, kalau dia tidak lepaskan orang ini pergi Sembahyang Jumaat maka orang yang tidak pergi Sembahyang Jumaat ini akan didenda, akan dijela di Mahkamah Syariah dan kilang-kilang itu akan dituduh bersubahat di dalam perkara yang seumpama ini. Jadi saya harap perkara yang seumpama ini tidak boleh dimainkan. Kalau sekiranya pihak majikan itu berkeras tidak mahu juga, apalah salahnya pindalah Undang-undang Buruh itu bawalah ke sini, kita boleh pinda, kita boleh beri kebenaran dan apakala dipindahkan hilanglah teraniaya dia itu, dia hendak berkeras sahaja.

Satu lagi berkenaan dengan perkara ugama, iaitu mengenai daging-daging yang dibawa masuk ke sini baru-baru ini di dalam Sidang Mukhtar Tahun Hijrah yang Ke 15 telah datang ke negeri kita ini wakil daripada New Zealand. Orang-orang daripada New Zealand telah memberi kenyataan mengatakan daging-daging yang dibawa daripada New Zealand ke

sini adalah merupakan daging yang haram kerana mereka disembelih dengan mesin elektrik, dengan sebab itu mereka mengesyorkan kepada Kerajaan Malaysia supaya mengikut contoh Kerajaan Iran dan Kerajaan Saudi Arabia iaitulah daging-daging yang hendak diimport ke negeri itu hendaklah disembelih lebih dahulu dan dia sanggup kata Dr Mohd. Hanif Kawazi untuk menjadi Penyelia ataupun orang yang bertanggungjawab untuk melihat penyembelihan itu.

Saya rasa inipun satu cara sama ada di Australia atau New Zealand, apakala kita bawa daging-daging itu kita percaya dia halal sahaja dan kalau dia kata halal, halal, halal macammana? Adakah dengan meletakkan di daging itu halal boleh jadi halal walaupun dia disembelih dengan elektrik? Jadi perkara yang macam ini tidak boleh main-main. Ini melibatkan orang Islam yang ramai, MAJUTERNAK misalnya patutlah dia sekali sekala pergi ke sana melihat dengan mata kepala sendiri kalau sekiranya dia sudah melihat dengan mata kepala sendiri barulah betul, sekarang ini diberi kuasa kepada penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sahaja yang menjadi penguatkuasa di dalam Kementerian ini bukannya semua orang Islam, ada orang yang bukan Islam dan dia pula minta jasa baik kepada Jabatan Ugama Negeri. Jabatan Ugama Negeri maklum sahajalah, memberi jasa baik ini lain, tetapi tugasnya lain, sepatutnya perkara yang seumpama ini menjadi tugas kepada kedua-dua sekali, menjadi tugas kepada Jabatan Ugama Negeri dan juga Kementerian Perdagangan dan Perindustrian barulah betul, seperti di negeri Selangor, Jabatan Ugama Selangor dan sebagainya. Tetapi ini cuma diminta jasa baik sahaja.

Saya nampak perkara-perkara yang seumpama ini banyak sangatlah berlaku di negara kita ini. Oleh kerana masa sudah suntuk, saya fikir sekadar inilah dahulu, saya akan bawa yang lain-lain lagi di dalam tatkala perbincangan estimate satu-satu Kementerian kelak.

Saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1982 ini dan terima kasih.

5.40 ptg.

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berucap, saya nampak saudara saya tadi berucap lebih kurang 2 hari. Saya rasa barangkali sahabat saya ini sudah pecahkan rekod dibuat di United Nations iaitu oleh Krishna Menon. Saya tidak mahu berucap sebegitu panjang, hanya dengan ringkas sahaja to the point kerana saya lihat ramai lagi sahabat-sahabat saya di dalam Dewan ini yang menunggu mahu berucap juga. Lebih-lebih lagi saya pun ada minta priority pada petang ini sebab saya baru keluar dari hospital dan saya suka hendak berucap sedikit mengenai Budget ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyokong Belanjawan tahun 1982, ingin saya menyatakan di sini bahawa Belanjawan ini boleh juga disebut sebagai Belanjawan Orangramai oleh kerana tidak ada kenaikan utama dibuat bagi meninggikan potongan cukai terhadap rakyat miskin. Di dalam hal ini, Kerajaan kita haruslah diberi kepujian. Dengan meluluskan konsessi cukai ke atas alat-alat solek, minyak wangi, pakaian, cenderamata termasuk hadiah-hadiah, saya mendapati bahawa ini boleh menggalakkan lagi ramai para pelawat datang ke negara ini.

Satu perkara lain yang boleh meringankan penduduk Malaysia terutamanya yang tinggal di Johor pada masa akan datang bolehlah membeli barang-barang keperluan di Johor dan tidak lagi di Singapura. Wang ringgit kita telah banyak mengalir ke Singapura dan Kerajaan dengan memberikan pengecualian cukai ke atas barang-barang tersebut telah menolong peniaga-peniaga kecil terutamanya dapat menyelamatkan pasaran mereka.

Selama ini penduduk-penduduk di Negeri Johor telah pergi ke Singapura untuk membeli barang-barang keperluan. Ini adalah salah satu sebab mengapa nilai wang ringgit Malaysia telah jatuh dengan kadar yang rendah dari segi penukaran wang ringgit di Singapura, bukan sahaja dengan memansuhkan cukai import ke atas cukai perniagaan dan terhadap kamera, jam tangan, pen, penyala rokok, yang mana terkenal di kalangan para pelancung tetapi sebaliknya barang-barang ini lebih disukai oleh penduduk tempatan terutamanya di Johor dan lain-lain di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, para akitek di dalam Belanjawan telah menolong peniaga di Negeri Johor dengan memansuhkan cukai-cukai tersebut. Ia juga akan seterusnya membantu peniaga bumiputra dan juga peniaga bukan Melayu di dalam perniagaan mereka.

Perumahan

Tuan Yang di-Pertua, di bidang perumahan, saya tetap menyokong bahawa Bank Perumahan Khas seharusnya didikrikan yang hanya bertujuan untuk memberi pinjaman terhadap perindustrian perumahan. Pada masa ini kesukaran untuk mendapat kredit bank telah menimbulkan masalah kepada pemaju-pemaju perumahan. Dengan adanya masalah red-tape untuk mendapatkan kelulusan daripada pelbagai Jabatan Kerajaan seharusnya disiasat dan dibaiki.

Di dalam hal ini, saya mencadangkan cara yang digunakan di Singapura di mana semua jabatan adalah menjadi ahli di dalam Housing Development Board dan kelulusan di dalam pelbagai di dalam pelan dapat diluluskan dalam tempoh satu hingga tiga bulan. Saya seterusnya mencadangkan supaya satu delegasi daripada Kementerian Perumahan Malaysia dihantar ke Singapura untuk mengkaji sistem mereka dan dengan sedikit pembaharuan dapatlah didirikan di negara ini. Dengan cara ini permohonan yang dihantar daripada pemaju-pemaju perumahan dapat diluluskan dengan lebih cepat lagi.

Malaysia juga patut mendirikan bangunan bertingkat tinggi untuk membolehkan orang-orang miskin dan yang berpendapatan sederhana dapat memiliki rumah mereka sendiri.

Perkhidmatan Awam

Tuan Yang di-Pertua, tahun demi tahun saya telah membangkitkan soalan berkenaan dengan Perkhidmatan Awam di dalam Senate ini untuk menambahkan kecekapan tugas-tugas di kalangan para pekerja di dalam tugas-tugas mereka. Di dalam perkara ini pengenalan yang baru diperkenalkan iaitu sistem masa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad adalah satu langkah yang wajar. Di mana-mana Kerajaan yang berdemokratik,

kecekapan yang ada di dalam negara tersebut adalah bergantung di atas tindak tanduk Perkhidmatan Awam mereka.

Saya katakan ini kerana para politik datang dan pergi tetapi Perkhidmatan Awam tidak berganjak. Cadangan-cadangan Perdana Menteri bagi menambahkan kecekapan di dalam Perkhidmatan Awam seharusnya dipuji. Saya telah mengetahui bahawa terdapat segolongan orang-orang yang tidak berpuas hati dengan perkara ini tetapi mesti difahamkan bahawa nadi rakyat merupakan satu desakan di mana Perdana Menteri telah bertindak dan di mana kecekapan patut dikekalkan.

Penghakiman

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat melantik lebih ramai lagi Hakim, Judicial Commissioner Majistret, Pendakwa Raya, Jurubahasa, Kerani untuk membaiki lagi pentadbiran di dalam Penghakiman.

Tuan Yang di-Pertua, telah diketahui bahawa Kerajaan bercadang untuk menghentikan rayuan di dalam kes-kes sivil dan akan dihentikan daripada dibawa ke Privy Council di London. Dengan ini saya merayu kepada Kerajaan supaya dibekalkan hingga ke satu masa apabila kami telah mempunyai satu Supreme Board di negara ini dan di ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi menyokong Belanjawan 1982.

5.49 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun di Dewan yang mulia ini bersama-sama menyokong di atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 yang mana berjumlah \$31,951,000 diperuntukkan bagi Belanjawan 1982 iaitu \$17,319,000 untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$14,632,000 untuk Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi dunia berterusan tetapi Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamed dan juga Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato Musa bin Hitam terus mengekalkan dan berusaha menentukan agar ekonomi Malaysia

terus berkembang bagi mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru dan rancangan perspektif jangka panjang dan tidak mengundurkan pertumbuhan ekonomi malahan terus berjalan untuk kebajikan rakyat di negara kita ini.

Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan dan juga kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah selaku Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan 1982 ini yang mana perbelanjaan itu ialah ditumpukan dengan strategi Belanjawan 1982 yang mana dikatakan (a) mengutamakan perkembangan pertumbuhan ekonomi; (b) memperhebatkan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan; (c) membendung inflasi dan mengambil tindakan untuk menguatkan imbalan pembayaran.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah sudah tabiat dan golongan manusia yang sengaja mencari kesalahan dan membuat fitnah. Sebelum Belanjawan ini dibentangkan bermacam-macam ramalan tan tohmahan kepada Kerajaan untuk menakut-nakutkan rakyat oleh golongan manusia yang saya sebutkan tadi, terutamanya parti-parti Pembangkang. Apabila ramalan mereka tidak betul, sebaliknya Kerajaan mengurangkan cukai-cukai 150 jenis barangan keperluan orang ramai yang sebelumnya tidak disangka-sangka akan berlaku. Mereka pula mengalihkan tohmahan mengatakan itu semata-mata hendak memancing undi untuk pilihanraya yang akan datang, kononnya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping saya menyokong akan Rang Undang-undang Belanjawan 1982, saya juga ingin menyentuh dan memberi pandangan kepada Kerajaan agar peruntukan-peruntukan kepada Kementerian-kementerian dapat digunakan dengan betul dan memberi manfaat kepada rakyat dan juga kepada negara kita. Kita tidak mahu lagi perkara-perkara berulang atau pisang berbuah dua kali sebagaimana laporan-laporan Ketua Audit Negara 1977 yang banyak penyelewengan dilakukan oleh pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab, pegawai-pegawai yang tamak dan mahu lekas kaya tanpa memikirkan kepentingan negara dan rakyat, hanya

mementingkan diri mereka sendiri sehingga mereka sanggup menipu Kerajaan dengan terang-terang membeli barang-barang yang tidak diperlukan yang berlebih-lebihan dan ada separuhnya tidak digunakan langsung. Umpamanya kenderaan, mesin-mesin, kelengkapan alat-alat ganti yang tidak digunakan yang telah membazirkan wang negara, dengan adanya sindiket-sindiket penipuan yang didatangi dari luar umpamanya yang tidak termasuk oleh akal kita semua yang mana telahpun dibincangkan ataupun telahpun diucapkan oleh ahli-ahli Dewan Negara yang lain berhubung dengan harga mee segera.

Pada hari ini juga tersiar lagi dalam suratkhbar supaya diambil tindakan disiplin di atas pegawai-pegawai yang berkenaan. Umpamanya mee segera hanya berharga 14 sen tetapi telah dijual sebungkus \$4.90 dan \$3.90 di Sabah dan Sarawak. Ini satu penyelewengan yang rasa saya kita tidak boleh maafkan mereka ini kerana melibatkan wang negara.

Saya rasa jika perkara seumpama ini berlaku lagi di masa yang akan datang Kerajaan harus mengambil tindakan kepada pihak-pihak yang berkenaan termasuk juga pembekal-pembekal. Sekarang ini apa yang kita baca dalam suratkhbar adalah disalahkan satu pihak sahaja, pihak pegawai Kerajaan, tetapi pihak pembekal tidak langsung disebut. Kerana mereka inilah yang selalunya membuat angkara, mereka inilah yang memujuk-mujuk pegawai-pegawai Kerajaan supaya itu dan ini. Kesudahannya pegawai-pegawai Kerajaan kena tangkap dan sebagainya, mereka ini lepas begitu sahaja. Kita harap pihak Kerajaan mesti mengambil tindakan kedua-dua belah pihak supaya perkara ini tidak akan berlaku di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan terbesar ialah Anggaran Perbelanjaan mengurus bagi sektor sosial lebih kurang \$4,950 juta atau 28.6% dan dari itu \$3,256 juta diperuntukkan bagi Pelajaran iaitu yang kedua terbesarnya peruntukan bagi tahun 1982. Perbelanjaan Keselamatan yang telah diperuntukkan \$3,316 juta iaitu termasuk meliputi pertahanan dan keselamatan dalam negeri.

Dengan peruntukan Pelajaran yang hampir-hampir \$5,000 juta saya harap Kerajaan akan dapat melatih lebih ramai lagi dan menambah lebih ramai bilangan pelajar-pelajar di kelima-lima buah universiti di negara kita ini terutama di bidang sains dan teknologi kerana bidang-bidang ini amat berkurangan terutamanya pelajar-pelajar bumiputra. Negara kita buat masa ini sangat memerlukan tenaga-tenaga yang seumpama itu.

Kerajaan harus menyediakan alat-alat kelengkapan yang sama di sekolah-sekolah. Ini selalu kita dengar rungutan-rungutan sekolah-sekolah di luar bandar dan juga sekolah di dalam bandar. Sekolah di luar bandar banyak kelengkapan-kelengkapan yang tidak mencukupi kalau dibandingkan dengan sekolah dalam bandar.

Oleh hal yang demikian, saya berharap dalam Dewan yang mulia ini supaya dengan peruntukan yang begitu banyak ini supaya sekolah-sekolah di luar bandar supaya dapat taraf sama dengan sekolah di dalam bandar. Umpamanya sekolah-sekolah di luar bandar yang kekurangan sekarang ini bekalan elektrik tidak ada, kadangkala ada tempat-tempat tiada bekalan elektrik, tiada telefon dan alat-alat yang lain. Umpamanya padang tidak memuaskan, tempat permainan dan sebagainya. Begitu juga alat-alat makmal yang mana kita dengar selalu sungutan tidak membekalkan di kawasan-kawasan luar bandar.

Begitu juga sekolah-sekolah yang mana kita dapat lihat kadang-kadang Sekolah-sekolah luar bandar masih lagi sekolah-sekolah di zaman penjajah dahulu. Oleh itu dengan peruntukan yang ada saya rasa di zaman ini patutlah sekolah yang buruk itu diganti ataupun disesuaikan dengan zaman kita pada hari ini.

Dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya bawa di Kuala Lumpur ini umpamanya penduduk-penduduk Melayu khasnya bumiputra boleh dikatakan bumiputra kebanyakannya ialah orang yang duduk di tanah-tanah tanpa izin. Mereka ini juga manusia biasa, mereka ini juga mengundi menaikkan wakil-wakil rakyat dan juga Kerajaan kita. Tetapi di dalam soal pelajaran

ini di Kuala Lumpur khasnya kerana mereka itu duduk di Kuala Lumpur, anak-anak mereka tidak dapat hendak masuk di asrama kerana mengikut dasar Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan ini anak-anak yang duduk di Kuala Lumpur tidak dapat duduk di asrama-asrama kerana asrama-asrama yang ada pada hari ini dahulunya adalah didirikan sebelum Wilayah Persekutuan ini wujud pada tahun 1974 dan asrama-asrama itu, seumpamanya, Asrama Dr Latiff, Asrama Toh Puan Norashikin, Asrama Tun Dr Ismail dan banyak asrama-asrama lagi tidak boleh menampung anak-anak yang datang daripada dalam bandar Kuala Lumpur ini.

Oleh itu di sini, dengan adanya perbelanjaan ini, saya berharap dan rakyat juga berharap supaya Kerajaan dapat mendirikan asrama-asrama khas untuk anak-anak Melayu yang duduk di Kuala Lumpur ini, yang tidak dapat duduk di asrama. Kadang-kadang kita pun kasihan melihat anak-anak mereka itu ada yang pandai, otaknya cergas tetapi untuk pergi ke asrama tahu-tahu sahajalah, tambang tidak cukup, mereka itu belajar di rumah, budak itu ada kemampuan tetapi untuk belajar dengan selesa tidak dapat.

Dalam soal ini saya berharap Kementerian Pelajaran dapat berikhtiar supaya satu atau dua buah asrama dapat didirikan di Wilayah Persekutuan ini.

Sekarang saya masuk kepada keselamatan dan pertahanan dalam negeri. Kita berharap supaya tentera-tentera kita sama ada Tentera Darat atau Tentera Laut, Polis harus berhati-hati dan berwaspada. Kita tidak mahu lagi peristiwa yang menyayat hati berlaku umpamanya di Kedah baru-baru ini dan begitu juga di Rembau baru-baru ini. Rasa saya tidak perlulah saya hendak terangkan kerana Ahli Yang Berhormat terdahulu dari saya telahpun berucap dalam soal ini dengan panjang lebar. Hanya di sini saya berharap supaya kita berhati-hati, pihak Polis dan juga pihak keselamatan sama ada pihak Tentera Darat dan Tentera Laut supaya berwaspada kerana kita sentiasa di dalam keadaan yang mana keselamatan kita, kita juga tidak tahu musuh-musuh itu ada di samping kita ataupun bak kata orang Melayu "musuh dalam selimut", yang kita tidak tahu. Oleh itu kita

harus berwaspada. Jangan harap perkara itu telah berlaku, baru kita hendak ambil itu dan ini dan seterusnya hendak menahankan dan berbagai-bagai macam. Kita harap supaya perkara ini tidak berulang lagi umpamanya perkara yang berlaku di Seremban baru-baru ini.

Saya masuk dalam soal Rukun Tetangga, di bawah keselamatan yang sekarang ini rasa saya kalau tidak perlu dimansuhkan sahajalah Rukun Tetangga ini. Umpamanya, di Petaling Jaya, saya lihat pada mulanya dulu pondok-pondok Rukun Tetangga ini dibelanjakan begitu baik dan begitu banyak harganya, dipanggil Menteri dan sebagainya membuka, dengan kompiang dan seterusnya tetapi sayangnya sehingga hari ini pondok-pondok Rukun Tetangga itu tidak dijaga lagi, orang-orang pun tidak ada hendak berkawal lagi, dan tempat-tempat itu sudah diduduki oleh penagih-penagih uaduh dan ada juga tempat budak-budak ataupun orang-orang muda berasmara di tempat itu. Itu saya rasa daripada menyakitkan hati sahaja lebih baik Rukun Tetangga ini kerana nampaknya tidak berjalan dengan baik, tidak usahlah diadakan lagi. Kita tidak mahu sebelah Seksyen 1 ada umpamanya, Seksyen 3 tidak ada. Seksyen 4 ada, Seksyen 5 pula hidup segan mati tidak mahu! Ini pun rasa saya tidak sesuai lagi. Oleh itu kita berharaplah kepada Kerajaan supaya meneliti balik di atas dasar Rukun Tetangga.

Sekarang, izinkan saya untuk menyentuh Kementerian Pelajaran yang telah diperuntukkan sebanyak \$1,067 juta. Dengan peruntukan ini saya berharap mutu perkhidmatan kesihatan dapat dipertingkatkan. Kita telahpun mendengar jawapan-jawapan daripada Menteri Kesihatan berhubung dengan kesulitan katil, tempat tidur, kesulitan baju pesakit umpamanya yang mana pernah satu kali saya pergi melawat ke Hospital Besar Kuala Lumpur, saya melihat pesakit itu pakai baju yang koyak rabak, sudah koyak-koyak. Sepatutnya dalam negara kita yang makmur ini tidak payahlah pakai lagi baju yang koyak rabak itu, gantikanlah dengan baju-baju yang lebih baik. Yang lain tadi telahpun dijawab oleh Menteri yang berkenaan berhubung dengan kesulitan ataupun kekurangan

jururawat dan sebagainya dan memandangkan ini telahpun dijawab, tidak payahlah saya teruskan lagi, tetapi saya berharap supaya mutu hospital-hospital kita dapat dinaikkan lagi.

Di samping itu kita dengar juga, baru-baru ini terjadi di Johor yang mana doktor-doktor yang membuka klinik sendiri lari daripada perkhidmatan Kerajaan, membuka klinik-klinik mereka sendiri dan juga ada yang masuk di klinik-klinik swasta meninggalkan tugas-tugas Kerajaan kerana mereka ini saya tidak tahu, tetapi pihak Kementerian harus mengambil tahu apa sebab-sebab mereka ini lari daripada bertugas dengan Jabatan Kerajaan. Saya ada dapat tahu daripada dua tiga orang doktor-doktor yang ada di Kuala Lumpur ini mereka mengatakan: sebab apa saya hendak tunggu, kalau saya tunggu sampai bila saya boleh dapat naik pangkat, sedangkan gaji juga tidak mencukupi.

Oleh itu, rasa saya doktor-doktor pakar umpamanya Pakar Bedah, Pakar X-ray dan seterusnya yang kekurangan pada hari ini apa salahnya pihak Kerajaan menimbangkan soal gaji mereka, kerana mereka ini tidaklah begitu ramai tetapi kita sangat memerlukannya dengan rakyat kita yang 13 juta di Malaysia ini berkehendakkan tenaga mereka.

Oleh itu, rasa saya untuk mengelakkan mereka ini supaya jangan lari bertugas dengan swasta ataupun membuka klinik-klinik mereka masing-masing tidak ada apa salahnya bagi Kementerian ataupun pihak Kerajaan memberi gaji yang lebih, bukan mengikut tanggagaji yang ada sekarang kerana mereka ini tidak ramai tetapi kita berkehendakkan tenaga mereka, berkehendakkan perkhidmatan mereka untuk kepentingan rakyat kita. Kita tidak mahu rakyat-rakyat yang miskin pergi ke klinik swasta ataupun klinik persendirian yang begitu mahal bayarannya yang mereka tidak mampu, lebih-lebih lagi rakyat miskin.

Oleh itu, saya harap pihak Kerajaan mencari jalan supaya doktor-doktor yang berkenaan ini tidak akan lari dan dia akan bertugas sebagaimana lama yang telah ditetapkan supaya mereka ini bertugas dengan Kerajaan.

Tentang Kementerian ini kita harap juga, kita melihat kadangkala kita pergi ke luar-luar kawasan atau daerah Kuala Lumpur ini, kita melihat keadaan rumah-rumah sakit ataupun hospital-hospital kebanyakan kadangkala sudah uzur dan dindingnya pun tidak bercat, dinding ada yang kopak-kopak dan tempat duduk pun tidak selesa.

Rasa saya di dalam Rancangan Malaysia yang akan datang ini, supaya dapat diperubah dan diperbetulkan balik hospital-hospital daerah yang ada di seluruh negara kita ini.

Sekarang saya masuk perbelanjaan pembangunan yang telah diberikan keutamaan yang paling tinggi kepada sektor ekonomi yang berjumlah \$6,640 juta ataupun lebihkurang 45.4% daripada perbelanjaan pembangunan 1982. Ini juga saya harap agar dapat digunakan dengan sempurna. Kita tidak mahu lagi melibatkan rancangan-rancangan pembangunan di luar bandar untuk rakyat tergendala dan terbungkalai.

Kita melihat kadangkala rancangan-rancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan terbungkalai beberapa tahun, kadangkala kalau buat rumah harga tiang sahaja, atap entah ke mana dan ditumbuh oleh lalang. Saya tidak tahulah sebabnya, Kerajaan-kah ataupun sebab-sebab kontraktor-kah, ini harus juga pihak Kerajaan di masa yang akan datang mengawasi perkara-perkara ini supaya jangan lagi terbungkalai projek-projek yang disalurkan di kampung-kampung. Kerana orang-orang kampung, ia tidak hendak banyak sangat, apa yang ia minta hendakkan Dewan, hendakkan rumah rakyat, hendakkan padang permainan dan sebagainya diadakan tetapi kadangkala ini tidak diadakan. Peruntukan ada tetapi tidak dibuat. Apabila perkara ini timbul oleh Wakil Rakyat, Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Negara, ahli-ahli politik dijadikan mereka ini untuk rakyat membalas dendam termasuk juga mencari Kerajaan misalnya apa guna itu dan sebagainya. Oleh itu, saya rasa dalam masalah ini eloklah pihak Kerajaan ataupun pegawai-pegawai Kerajaan pada masa akan datang cuba berusaha supaya jangan hanya membiarkan sahaja perkara itu terjadi berlarut-larutan.

Ini bukan terjadi di luar bandar sahaja, di Kuala Lumpur pun terjadi. Umpamanya, di

Kampung Kerinchi, Bukit A yang mana pada satu masa kami ahli-ahli politik telah memindahkan lebih kurang 250 keluarga yang duduk di tanah tanpa izin, kerana pihak Kerajaan hendak membangunkan kawasan itu hendak mendirikan flat. Dewan bandaraya pada hari itu telah berjanji dalam masa dua tahun akan didirikan flat dan orang-orang ini akan dipindahkan semula. Tetapi apa yang terjadi pada hari ini, sehinggakan hari ini lalang pula sudah tumbuh di kawasan itu belum juga dibuat lagi, yang menjadi tempelaknya ialah Wakil-wakil Rakyat ataupun pihak Kerajaan atau kami ini semua. Oleh itu, kita harap jikalau Kerajaan menetapkan dua tahun siapkanlah dalam masa dua tahun, janganlah ada itu, ini dan sebagainya untuk berdolak-dalik lagi. Kita tidak mahu perkara-perkara ini akan terjadi dan menjadikan ancaman kepada kita semua lebih-lebih lagi kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang lain ialah dalam soal yang tadi juga berhubung dengan pembangunan yang tergendala. Saya rasa ini juga pihak Kerajaan mesti mengambil tindakan kepada kontraktor-kontraktor yang mana pada mulanya kontraktor-kontraktor ini telah bersetuju menyiapkan projek-projek itu dalam masa yang telah dipersetujui dan yang telah ditandatangani tetapi kadangkalanya banyak kontraktor-kontraktor ini hanya separuh jalan sahaja lepas itu dia cabut lari, terbungkalailah projek-projek itu. Oleh itu, saya berharap pada masa akan datang supaya benar-benar, saya rasa tentulah Kerajaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad ini akan mengubah sikap—akan mengambil tindakan supaya syarikat-syarikat ataupun kontraktor-kontraktor yang hendak membuat bangunan-bangunan akan datang supaya mereka ini diselidiki terlebih dahulu sama ada dia mampu dari segi kewangan, dari segi pekerja dan sebagainya, kalau dia mampu baharulah dia diberi. Jangan hanya sengaja diberi sahaja lepas itu lepas tangan, kesalahannya projek-projek itu akan terbungkalai.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini juga saya sangat-sangat menyanjung tinggi di atas ketabahan dan semangat yang telah ditunjukkan oleh pemimpin kita Yang

Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita dan juga Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato' Musa bin Hitam atau lebih dikenali sekarang ini Kerajaan 2M yang telah dapat mengubahsuaikan sedikit demi sedikit agar rakyat sama-sama menyedari akan tanggungjawab mereka dan juga Kerajaan.

Umpama, dahulu kita lihat pegawai-pegawai Kerajaan datang bekerja pada pukul 10.00 pagi ke pejabat tetapi sekarang alhamdulillah dengan ada punch card yang baharu ini nampaknya pegawai-pegawai Kerajaan pada pukul 8.00 pagi sudah ada di pejabat. Orang-orang kampung pun sudah senang hendak berjumpa dengan pegawai-pegawai. Syukur alhamdulillah dengan adanya keadaan ini saya rasa pegawai-pegawai Kerajaan juga sudah bertanggungjawab dan kita harap supaya ini berkekalan dan nama harum Kerajaan kita akan dapat disanjung tinggi oleh orang-orang luar negeri. Kita harapkan supaya ini dapat dijalankan dengan baik dan saya rasa rakyat pun menyambut baik di atas rancangan yang telah dijalankan dan juga usaha-usaha yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Di samping itu di Kuala Lumpur itu juga dengan adanya pegawai-pegawai Kerajaan sudah bangun pagi dahulu kalau kita hendak masuk Kuala Lumpur pukul 8.00 pagi sangat susah tetapi sekarang alhamdulillah lalulintas pun nampaknya ada lengang sedikit sebab pegawai-pegawai yang berkenaan yang lambat datang dahulu sudah datang cepat, pagi-pagi lagi mereka sudah ada di pejabat.

Di sini juga saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri yang terang-terang dan tidak silu-silu baharu-baharu ini berhubung dengan golongan peniaga British. Dari segi perniagaan dan ekonomi yang mana beliau telah terang-terang menentang ataupun menyuarakan di atas kepincangan-kepincangan yang telah dijalankan oleh pedagang-pedagang British terhadap negara kita ini. Saya berucap berhubung dengan hal ini, ialah di negara kita ini, kita telah merdeka lebih kurang 23 tahun, sebelum ini kita telah dijajah oleh British bertahun-tahun lamanya. Kita telah dijajah sehinggakan kita orang-orang Melayu

khasnya bumiputra saya rasa kalau belum merdeka lagi ataupun belum kita dapat kemerdekaan kemungkinan kita tidak ada duduk di dalam Dewan ini. Oleh itu, saya berharap Kerajaan British ataupun golongan pedagang British ini supaya janganlah menganggap mereka itu masih lagi menjajah kita ataupun kita duduk di bawah ketiaknyanya lagi. Ini ialah berpunca dari pembelian Estet Guthrie baharu-baharu ini yang menjadi isu yang boleh dikatakan besar juga yang telah dikeluarkan di luar negeri.

Tentang pembelian ini saya rasa, tidak ada salahnya. Pembelian saham ini adalah mengikut harga di dalam London Stock Market iaitu yang dibeli oleh Perbadanan Nasional Berhad. Saya rasa ini tidak boleh dijadikan satu perkara yang membusukkan nama kita oleh golongan orang-orang Puteh yang telah memerintah di sini dahulu. Begitu juga pada satu masa kalau tidak silap saya Pesuruhjaya British yang telah tamat perkhidmatannya di Malaysia ini, telah mengeluarkan kenyataan mengatakan kita orang Malaysia tidak membalas budi kepada British, kerana merekalah kononnya komunis di Malaysia ini dapat dihapuskan. Orang-orang British telah banyak berkorban.

Di sini ingin kita bertanya balik kepada mereka, adakah pengorbanan mereka itu benar-benar jujur? Saya rasa kitalah yang banyak berkorban. Masa darurat dahulu siapakah menjaga tuan-tuan besar di estet, yang menjaga di luar, mereka menyenyak tidur dalam bilik dengan mem-memnya. siapa yang menunggunya di luar sebagaimana yang saya katakan tadi. Apakah pengorbanan yang dibuat. Kita telah berkorban, tanah kita telah beri, estet kita telah beri, nyawa kita pun telah beri, tetapi Pesuruhjaya British itu mengatakan kita tidak berterima kasih. Oleh itu kita harap janganlah mereka menyangka kita ini masih lagi dijajah oleh mereka. Dalam soal ini juga kita tidak mahu lagi pihak-pihak British mencampur aduk atau campur masalah kita dalam negeri ini. Oleh itu di negara kita ini dahulu kita telah melarat beberapa tahun, pada masa itu hanya yang dapat oleh kita jawatan-jawatan yang sehabis besar, rasa saya Kerani ataupun lebih-lebih Tok Penghulu pada masa itu, Peon, Jaga, kalau kita tak merdeka dahulu, itulah jawatan kita yang ada tetapi alhamdulillah dengan ada

kemerdekaan yang kita pimpin pada hari ini oleh rakyat ataupun negara kita sendiri, oleh orang-orang kita sendiri, kita telah merdeka, bermacam-macam kemajuan yang kita telah capai.

Di samping itu kita harapkan pihak British janganlah mereka ini cuba membalas dendam dengan menyekat itu dan ini, umpamanya menaikkan yuran pelajaran penuntut kita di London dan banyak lagi tekanan-tekanan ekonomi yang lain. Kita berharap apa yang telah dilakukan dengan beraninya oleh pemimpin kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, rakyat Malaysia harus menyokong, termasuk parti-parti Pembangkang di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh sedikit tentang pelancungan yang mana peruntukannya telah dibuat sebanyak \$31.6 juta dan saya berharap Perbadanan Kemajuan Pelancungan dapat menarik lebih ramai lagi pelancung-pelancung melawat ke negara ini, lebih-lebih lagi untuk memperkenalkan Malaysia sebagai satu tumpuan pelancungan yang utama di rantau ini, bukan dari Astralasia, Eropah dan Jepun malahan negara-negara lain dalam dunia ini. Di samping itu kedutaan-kedutaan kita di luar negeri, apa yang telah didapati kadangkala saya melawat sempat juga melawat ke kedutaan-kedutaan kita di luar negeri, kita harapkan mereka yang bekerja di kedutaan luar negeri itu supaya buatlah kerja yang diamanahkan oleh Kerajaan kita. Ada saya dapati bila kita pergi banyak pegawai-pegawainya masa bekerja mereka ini tak ada dalam pejabat, mereka pergi main golf dan ada juga yang saya dengar mereka ini pergi mengajar Bahasa Malaysia dan sebagainya untuk mencari duit luar pula lagi, ada saya dengar. Oleh itu kita harapkan kedutaan-kedutaan kita ataupun pegawai-pegawai kita di luar negeri itu yang mana kita telah beri gaji, beri segala-gala kemudahan, rasa saya pertanggungjawabkanlah apa tugas-tugas yang telah diberi oleh Kerajaan kita ini, janganlah dilalaikan.

Di samping itu kita tidak mahu lagi mendengar orang-orang luar negeri mengatakan Malaysia ini entah mana dalam peta (map) tak ada katanya, sebab ini rasa saya ialah kurang penerangan-penerangan

oleh kedutaan-kedutaan kita di luar negeri. Sepatutnya mereka itulah sebagai wakil kita menerangkan kepada orang luar yang Malaysia ini, itu dan sebagainya, kemakmuran dan juga ekonomi di segi segala-galanya untuk diterangkan oleh mereka. Dengan tidak adanya inilah rasa saya kekeliruan sering berlaku kepada orang-orang luar negeri yang tak tahu Malaysia ini. Bila mereka sudah datang ke sini, barulah dia tahu rupanya tinggi-tinggi juga bangunan, ada Lake Garden dan sebagainya, ada kereta dan susah pula hendak lalu. Tetapi sebelum mereka datang, umpamanya baru-baru ini dalam suratkhbar mengatakan kita ini masih duduk di atas pokok lagi, masih bercawat lagi kerana tidak ada penerangan yang leb

Di samping itu juga, apa yang saya dapat tahu pihak Kementerian ini juga, lebih lagi Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) supaya dapat menghantar banyak bahan-bahan bacaan, umpamanya suratkhbar-suratkhbar kita harus dihantar, jangan sebulan sekali baru sampai. Rasa saya semua suratkhbar yang ada dikeluarkan ini patut dihantar kepada kedutaan-kedutaan. Saya pergi ke Kedutaan Australia tahun dahulu, saya tengok tak ada, tetapi di Parlimen Canberra ada suratkhbar kita pula, suratkhbar Straits Times ada, di kedutaan kita lambat datang tetapi di Parlimen itu sudah datang, apa sebabnya? Ini pula rasa saya harus pihak Kementerian supaya menghantar banyak penerbitan-penerbitan suratkhbar kita supaya mereka itu dapat membaca apa keadaan-keadaan yang berlaku dalam negara kita ini.

Di samping itu juga kita berharap Pejabat-pejabat MAS yang ada di luar negeri ini supaya mereka itu juga melengkapkan, janganlah ambil kadar sahaja, umpamanya di tempat-tempat negeri-negeri luar. Baru-baru ini saya pergi ke Manila di mana Pejabat MAS (Sistem Penerbangan Malaysia) terletak di satu lorong yang susah kita hendak cari. Apa salahnya cari tempat-tempat yang istimewa sebagaimana penerbangan-penerbangan yang lain diadakan di kompleks-kompleks beli-belah dan sebagainya menunjukkan lambangnya yang besar, tetapi kita hanya tersorok, susah hendak cari, orang pun tak tahu apa dia 'MAS' itu, yang kita telah tengok

hanya signboardnya kecil. Di samping itu risalah-risalah yang ada untuk menunjukkan Malaysia inipun tak banyak, hanya saya tengok Pulau Langkawi, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, yang lainnya tak ada. Sepatutnya kita ada banyak, seperti Pulau Tioman, Kinta Barat dan seterusnya. Ini rasa saya harus juga pihak MAS mengambil peranan yang penting supaya mencerminkan atau memberitahu orang luar negeri yang negara kita ini menarik pelancung-pelancung lebih ramai datang.

Di sini juga saya ingin menyentuh kedudukan dan peralatan di lapangan terbang kita, iaitu di Kuala Lumpur ini. Lapangan Terbang kita ini sungguhpun nanti Pak Menteri akan menjawab lapangan terbang itu masih lagi dalam pembesaran atau pembaikan, tetapi yang anihnya baru-baru ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir telah pun membuat lawatan dan besoknya pihak Lapangan terbang Kuala Lumpur mengatakan hendak besarkan lagi Lapangan terbang Terminal 2. Apa sebabnya tak buat pada awalnya dahulu sekali, apa buat sekerat-kerat, apa sebab? Inipun kita hendak bertanya kepada pihak Kerajaan. Kerajaan kata, saya tak salah, ini pegawai-pegawai yang menjalankan tugas ini. Apa tidak buat penyelidikan lebih awal dahulu? Kita sudah tahu hendak pakai Lapangan Terbang dua tiga tahun, apa dibuat kecil? Di samping itu juga saya sendiri melihat keadaannya, tak tahulah sama ada tergesa-gesa ataupun tidak, kita pergi lihat banyak yang telah retak-retak, batu marmar ataupun mosaic dan sebagainya ada

yang terkopek-kopek keluar, ini **apa** sebabnya? Rasa saya ini juga pihak Kerajaan atau pihak-pihak yang berkenaan menyelidik supaya perkara ini tidak belaku lagi penyelewengan-penyelwengan yng kita tidak ingini.

Di samping itu lapangan terbang di Pulau Pinang umpamanya begitu cantik, megah kita melihatnya, keadaan dengan bentuk Minangkabau yang begitu lawa, cantik. Ini kita hanya mencantikkan bangunan sahaja tetapi peralatannya tidak kita sediakan. Kadangkala kita malu. Cuba kita lihat lapangan terbang yang baru di Singapura, semua orang mengatakan, kita sendiri pun mengatakan, kita hendak kata pun kita malu tetapi apa sebabnya? Hendak kata malu pun tak malu, kita sebutlah. Apa salahnya mana yang baik itu kita tiru Lapangan Terbang Singapura di Changi, bila kita duduk di situ macam kita duduk di mahligai.

Nampaknya masa sudah pukul 6.30 petang, boleh saya sambung lagi Tuan Yang di-Pertua?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh sambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 15hb Disember, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.